

KOLEKSI CERPEN  
PILIHAN  
PELITA BRUNEI  
2016

**Terbitan**

Unit Penerbitan Melayu  
Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik  
Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri  
Negara Brunei Darussalam

**Cetakan Pertama 2017**

**Hak Cipta**

Jabatan Penerangan

**Penyelaras**

Hajah Rosidah binti Haji Ismail

**Kompilasi/Susunan**

Zawiyatun Ni'mah binti Mohamad Akir

**Penyemak**

Norhafilah binti Rosli

**Ilustrasi**

Gambar hiasan digunakan di Pelita Brunei

**Reka Letak/Reka Bentuk Kulit Luar**

Syahi bin Haji Ludin

**ISBN**

**Hak cipta terpelihara.** 'Koleksi Cerpen Pilihan' merupakan koleksi cerpen yang diterbitkan di dalam Pelita Brunei edisi Januari - Disember 2016.

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian kandungan buku ini dalam apa bentuk sekalipun sama ada secara elektronik, fotografi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapatkan keizinan bertulis daripada Pengarah Penerangan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

## KATA ALUAN

### **Bismillahir Rahmanir Rahim Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

**A**lhamdulillah, Koleksi Cerpen Pilihan Pelita Brunei dapat diusahakan penerbitannya. Cerpen-cerpen yang terkandung dalam koleksi ini adalah hasil karya yang telah dikeluarkan dalam akhbar Pelita Brunei di sepanjang 2016.

Penerbitan ini merupakan salah satu usaha Jabatan Penerangan untuk menghargai sumbangan penulis kepada perkembangan kesusasteraan tanah air khususnya mereka yang menyumbangkan karya mereka ke akhbar berkenaan.

Pihak penerbit percaya penerbitan Koleksi Cerpen Pilihan ini dapat meniup semangat/menyuntik para penulis tanah air ke arah menghasilkan karya yang bermutu dan secara langsung akan menjadi sumber penyelidikan bagi penyelidik-penyelidik sastera di masa akan datang.

Pihak penerbit, bagaimanapun, berhak untuk tidak memuatkan dalam koleksi ini mana-mana cerpen yang dirasakan tidak sesuai. Sekian.

**PENERBIT**

2016

## KANDUNGAN

## MUKA SURAT

### **Hijrahku**

Oleh: Riani Rahman

6

### **Mawar jingga**

Oleh: Maya Brunei

12

### **Memori untuk Jasly**

Oleh: Kesuma A.S

18

### **Berjoging**

Oleh: Pat

24

### **Memori Di Bulan Ramadan**

Oleh: ADI JIWA

33

### **Mata**

Oleh: Sutera Kalbu

39

### **Jika ini Suratanku**

Oleh: Maya Brunei

45

## **KANDUNGAN**

## **MUKA SURAT**

### **Redha**

Oleh: SURI ARMAN

52

### **Perjalanan**

Oleh : Maya Brunei

58

# *Hijrahku*



Oleh :  
Riani Rahman

**CUACA** pada pagi itu amat baik sekali. Angin sepoi-sepoi terasa nyaman menerpa ke wajah. Daun pokok getah melambai-lambai mengikut irama. Bijinya berguguran jatuh ke bumi. Sudah hampir 40 tahun tanah seluas satu ekar itu terbiar. Pokok tua itu sudah lama tidak mengeluarkan hasil.

Maimunah melabuhkan punggungnya di bawah serumpun pokok pisang. Dia mengesat peluh di dahi dengan sehelai tuala. Kerut dahi Maimunah semakin ketara. Dia pusing memikirkan kehidupannya yang serba dalam kesusahan. Hanya dia seorang diri mengusahakan kebun getah di tanah pusaka peninggalan kedua ibu bapanya itu.

“Dang! mun bapa sudah inda ada kandila, kau jaga kebun getah kitani ani baik-baik ah. Jangan sekali-kali kau jual. Mispun apa pun yang terjadi.

Inda ku ingin harta kitani ani jatuh arah dangan tah pulang. Macam kitani menumpang di tanah air kitani sendiri tah pulang. Orang asing pulang berumah di tanah diri. Mau kau janji nak?" Pak Sidek bersuara berselang-seli dengan batuk yang dihidapinya.

Maimunah hanya mampu mengangguk sambil menitikkan air mata. Kehidupan mereka yang miskin membuatkan mereka sering dalam kesusahan. Maimunah mempunyai lapan orang adik. Dari jumlah itu hanya seorang adik laki-laki. Dia merupakan anak sulung hasil perkahwinan Pak Sidek dan Mak Limah. Sebagai anak yang sulung, dia bekerja keras membantu kedua ibu bapanya untuk menyara adik-adik. Sejak akhir-akhir ini, kesihatan bapanya terganggu. Pak Sidek mengalami batuk kering. Dia tidak mahu pergi berubat memandangkan wang perbelanjaan harian mereka hanya cukup untuk makan seharian sahaja.

Beban terpikul sepenuhnya ke atas Maimunah apabila Pak Sidek pulang ke rahmatullah. Segala keperluan mereka sekeluarga terpaksa diungkayahkannya sendirian. Sejak kepergian bapanya itu, ibunya juga ditimpa masalah. Dia terjatuh ketika sedang bekerja di sawah padi yang akhirnya mengalami lumpuh.

Pasrah dengan takdir hidupnya. Dia melakukan pelbagai pekerjaan seperti mengambil upah menyuci pakaian, berkebun, bersawah padi dan banyak lagi. Dia juga terpaksa berhenti sekolah untuk menjaga empat orang adik-adiknya yang masih kecil. Manakala tiga orang lagi sudah di peringkat menengah.

Tiap malam, Maimunah akan menemani adik-adiknya belajar sambil dia mengerjakan kerja rumah. Hati kecilnya berasa terusik akan keadaanya, tetapi apakan daya. Ini dilakukannya demi adik-adiknya.

Apabila usia Maimunah mencecah 20 tahun. Ibunya menyarankan agar dia berkahwin dengan sepupunya. Dengan demikian, beban yang dipikulnya dapat dikongsi sama. Dia hanya akur dengan kehendak ibunya. Walhal dia langsung tidak terfikir ke arah itu.

“Ma, apa yang kita fikirkan atu?” Tiba-tiba lamunan Maimunah terhenti. Kehadiran anak sulungnya mengejutkannya. Maimunah membetulkan ikatan tudung di kepalanya.

“Bila kau datang lai Milah? Malik inda ikut?” tanyanya pula.

“Ni baru ku sampai ma. Inda ma, di rumah ya. Aku ganya seorang ke mari.” jawabnya.

Maimunah dan Jamilah duduk bersimpuh. Lalu Jamilah mengeluarkan bekal makanan yang dibawanya. Maimunah merenung wajah anaknya. Menatap wajah ayu anaknya, membuatkan dia teringat peristiwa lama.

Dua Puluh tahun yang lalu, setelah Maimunah berumahtangga, hidup mereka sekeluarga aman dan damai. Maimunah bertuah kerana bersuamikan orang yang sangat baik dan bertanggungjawab. Beban yang dipikulnya ditanggung bersama. Mereka sama-sama membesarkan adik-adik Maimunah sekali gus anak mereka, Jamilah.

Namun malang tidak berbau. Suaminya meninggal lima tahun lepas. Belum pun sempat melihat hasil kejayaan anaknya menerima segulung ijazah. Bebannya bertambah. Dia tidak mempunyai tempat tinggal setelah dihalau oleh adiknya.

“Ka Munah! Kita anak beranak ani baiktah keluar dari tanah ani!” bentak adiknya dengan kasar.

“Astah, napa kan wang? Kau menghalau kaka ani? Kemana jua kan kaka tuju lai. Jangan kaka dihalau.” Rayu Maimunah dengan linangan air mata.

“Sudah jua ku padahkan arah kita ariatu. Tanah tempat kaka tinggal ani, sudah atas namaku bah. Jadinya kan ku jual, ada jua kan usinku. Lagipun selama kita anak beranak tinggal di tanah ani, satu sen pun inda kita pernah membagi arah kami laki bini.”

Tersentak Maimunah mendengarkan kata-kata yang keluar dari mulut adik lelakinya itu. Setahu Maimunah tanah itu adalah tanah pusaka arwah bapanya yang diamanahkan untuknya.

“Ya Allah, pasan mulah bapa, jangan dijual tanah pusaka ani lai. Mengapa kau macam miani? Susah pebaik kitani lai, jangan bejual tanah. Di mana kitani kan tinggal kandila.” Semakin kuat tangisan Maimunah.

“Au tau ku. Banar, tanah ani peninggalan mulah bapa, tapi aku anak laki-laki satu-satunya. Kita atu anak bini-bini. Kalau ikut peraturan, anak laki-laki lah yang mempunyai hak ke atas tanah ani. Tanah ani kan ku jual. Merati kita? Aku pun ada jua sudah tanah. Bahapa jua kan banyak-banyak. Dijual tantu ada hasilnya. Daripada tebiar macam hutan miani ani.”

“Sampai hati kau miani lai. Kaka ani macam mana? Di mana kan tinggal? Mun inda pun, tunggu tah si milah atu keraja lai. Dapat jua beikhtiar mehunjar rumah. InsyaaAllah.” Rayu Maimunah sambil menangis.

“Inda boleh tu ka eh! Rugiku tu! Ani tantu sudah ada orang kanembali tanah ani.” Balas adiknya.

“Halau saja tia bang!” Sokong isteri kepada adiknya.

“Au ka, barinut tah kita. Sekarang ani jua kita anak beranak keluar. Keluar.....! Keluar.....! Keluar.....!” halau adiknya.

“Sampai hatimu lai.” Katanya sambil meraung menangis.

Melihat keadaan Maimunah yang meraung, Milah terus memeluk ibunya dan turut menangis hiba.

“Sampai hati kita Padamit. Inda kita bekanang kan mama. Masa kita damit, mama sama mulah bapa jua yang mengasuh dan membasarkan kita. Inda kita takut kan balasan Allah Subhanahu Wata’ala kah? Inda

kita takut azab Allah Subhanahu Wata'ala? Tehimpit tanah kubur! Liat tah!” pekik Jamilah lagi. Dia sudah tidak peduli lagi. Rasa hormat sudah hilang.

“Sudah tah lai..! sudah.....sudah.....” Maimunah memujuk.

“Mari tah kitani panyap barang barang kita, cepat cepat kita keluar dari sini.”

Jiran-jiran sekeliling yang menyaksikan peristiwa itu turut sama menangis dan simpati dengan nasib Maimunah. Berasa belas kasihan kepada Maimunah. Orang yang bersusah payah menjaga dan membesarkan adik-adiknya diperlakukan sedemikian. Adik yang tidak mengenang budi. Di manakah dia sekeluarga akan tinggal nanti?

Air mata Maimunah mengalir. Peristiwa pahit terus bermain difikirannya. Meskipun perkara itu sudah lama berlalu.

“Kenapa mama menangis?” tanya Jamilah.

“Inda papa lai..mama bahagia meliat kau sudah basar. Tanah ani pun sudah balik semula arah mama. Macam pasan mulah ninimu arah mama.” Jelas Maimunah gembira.

Dia dan Jamilah menikmati nasi lemak dibungkus daun pisang buatan anaknya.

“Nyaman nasi ani lai, terima kasih sebab membahagiakan mama lai. Menabus balik tanah yang sudah padamit mu jual ani.”

“Inda seberapa ni ma bebanding jasa kita betiankan aku, membasarkan aku, mensekolahkan aku sampai aku jadi ketua jabatan ani. Syukur Alhamdulillah. Ya Allah.. mudah-mudahan mama sentiasa dirahmati Allah Subhanahu Wata'ala, sihat walafiat. Milah sayang kan mama.” Ujarnya hiba sambil memeluk ibunya.

“Alhamdulillah.” Jawab ibunya.

“Selamat tahun baru hijrah mama. Semoga hidup kitani akan lebih baik dan sentiasa dalam lindungan Allah Subhanahu Wata’ala.”

“Amin ya rabbal alamin sayang.” Balas Maimunah sambil tersenyum. Jamilah juga tersenyum.

“Bah, mari tah kitani ke rumah. Masih ada tanggungjawab kepada Allah Subhanahu Wata’ala yang belum tani tunaikan. Padamit pun balum lagi mama bagi makan. Kesian lai inda ada orang meduli. Bini padamitmu lari antah ke mana. Sejak terkena strok, mama bawa tia tinggal di rumah kitani.” Sambungnya.

“Au ma, mudahan ringan penyakit padamit dan disembuhkan penyakitnya.”

Maimunah bersama anaknya berjalan beriringan menuju rumah mereka.

**TAMAT**

Pelita Brunei Keluaran 2 Januari 2016

# *Mawar jingga*



Oleh : Maya Brunei

**JEJARINYA** yang lembut dan sedikit kasar itu begitu tekun membelai daun-daun bunga mawar yang berlubang-lubang dinodai oleh makhluk perosak. Begitulah dasar makhluk perosak yang cuma tahu makan dan mengisi perut sendiri tanpa ambil pusing apa yang dibuat dan dilakukannya. Apa pun itu adalah suatu yang sudah ditentukan oleh Maha Pencipta alam maya ini.

Itu bagi makhluk yang digelar serangga ataupun binatang yang sudah ditakdirkan daun-daunan menjadi makanannya asal mereka rajin mencari sehingga menjadi habuan yang dipanggil racun serangga untuk menghapuskan mereka yang pada akhirnya mati kujur dalam mengisi perut sendiri.

Jejarinya masih membinar-binar daun-daun mawar yang sepertinya minta diubati itu, semua itu akibat makhluk perosak yang tidak mengenal jenis daun main hentam kebas saja. Itu serangga macam mana kalau manusia yang menjadi makhluk perosak...?

Manusia juga ada kalanya menjadi makhluk perosak malah lebih halus dan ganas dari haiwan itu sendiri. Padahal manusia itu dianugerahkan oleh Allah akal dan fikiran untuk memperhitungkan dan membezakan mana baik buruknya sesuatu yang dilakukan. Kalau sudah haiwan dan manusia hampir tiada bezanya, lalu di manakah letaknya akal dan fikiran anugerah Allah itu...?

“Aduhh...!” Spontan Naina menjerit mujurlah tidak terdengar oleh orang-orang yang lalu lalang di sekelilingnya di pasar minggu itu.

Automatik cecair merah memercit dari hujung jarinya akibat tikaman duri bunga mawar yang juga tidak kenal siapa itu, waimatah ampuannya sendiri, bagaikan menyambut cerahnya sinaran matahari pagi itu. Lantak tetap lantak tersentuh saja itulah musuh baginya dan pasti akan menerima ganjaran atas keceluparan penyentuhnya. Mujurlah juga pelanggan belum ramai ketika itu.

Pantas macam besi berani jarinya yang merah itu mendakap di kedua bibirnya yang kering-kering basah itu dan menghisap darah yang keluar hasil sentuhan duri tajam yang menjadi senjata pelindung diri si mawar jingga itu. Kemudian dihembuskannya ke sebelah kiri yang nyata air ludahnya menjadi merah. Baik jua Naina inda jadi pontianak...?

“Luka di jari nyata berdarah tapi di hati tanggung sendiri” Bisik hati kecil Naina. Naina kemudian mengambil tisu dan membungkus jarinya yang masih tersisa darah itu sambil melihat keliling, mujur tidak ada orang yang memerhatikannya. Naina tidak boleh melihat darah terlalu lama dan pandangannya mulai kabur...!

“Mau aku bawa kamu ke klinik...?” Sapa pemuda itu dengan bersopan dan pemuda itu terasa bersalah kerana dia Naina tertusuk duri mawar itu.

“Tak payahlah...bukannya dalam sangat,” Naina menolak ajakan pemuda itu walaupun pemuda itu berniat jujur dah ikhlas.

“Kalau dibiarkan nanti kuman membiak dan akan menjadi penyakit lain pula, sekarang ni virus terlalu gelojoh...!” Pemuda itu macam seorang doktor serba tahu semua virus yang wujud di dunia ini.

“Aku sudah biasa begini...cucukan duri-duri seperti ini sudah lali di jasadku,” Naina masih menolak macamlah jasadnya itu tidak boleh diratah virus.

“Saya ikhlas kerana Allah...!” Pemuda itu mempamerkan wajah simpati seratus peratus dari keikhlasan hatinya.

“Nantilah aku bawa sendiri rumah aku pun tidak jauh dari klinik,” Naina masih berkeras.

“Di mana...?” Pemuda itu memajal.

“Berakas...!” Pendek tanya dan jawab mereka.

“Lihat darahnya makin banyak keluar...” Pemuda itu memaksa Naina kerana ingin memberikan pertolongan, yang mana semua itu berpunca daripada kecuaiannya jua. Akhirnya Naina ke klinik bersama pemuda yang ingin bertanggungjawab itu.

Sejak itu hubungan Naina dengan pemuda itu bukan selaku penjual dan pembeli bunga lagi, tapi sudah ada bibit bunga-bunga cinta. Malah pemuda itu juga berperanan menyebarkan jualan bunga-bunga Naina kepada kawan-kawannya. Naina sudah ada pembantu dalam perniagaannya.

“Kamu Naina...?” Tanya seorang wanita yang hampir sebaya dengannya. Wanita itu bertudung lengkap seorang muslimah begitu rapi.

“Saya...” Jawab Naina. “Ada apa...?” Sambungnya.

“Saya datang hendak mengambil bunga yang ini...” Sambil wanita bertudung lengkap itu menunjuk bunga yang dimaksudkannya. Mawar Jingga.

“Yang itu sudah dibeli orang lain...” Naina menerangkan kepada wanita bertudung lengkap itu.

“Saya tahu...abang Firdaus menyuruh saya mengambilnya...” Wanita bertudung lengkap itu selamba.

“Firdaus...?” Spontan wajah Naina berubah apabila wanita bertudung lengkap itu mengungkapkan perkataan abang itu.

“Firdaus suami saya...kami cukup bahagia, di samping dua orang cahaya mata...!” Wanita bertudung lengkap itu berasa bangga sambil mengurak senyum yang punya makna.

Kawasan jualan bunga-bunga itu terasa gelap seketika bagi pandangan Naina, tapi dengan kekuatan hati dan imannya dia berjaya mengawal emosinya yang hendak bertindak di luar sedarnya itu.

Namun semuanya itu cuma rancangan kedua insan yang berkeinginan menuju wawasan hidup masa depan mereka dalam berumahtangga. Tapi sebenarnya berlainan dengan ketentuan Allah, mereka bukan sejdoh yang ditakdirkan malah pasti akan putus juga di tengah perjalanan sebelum mereka menemukan titik kekecewaan yang lebih parah.

Hubungan mereka total terputus disebabkan peristiwa itu, Naina tidak mahu merosakkan rumahtangga kaum sejenis dengannya. Titik.

“Barapa tah sephohon bungamu ani, dang...?” Tanya seorang wanita lebih separuh umur. Naina diam masih dikuasai kenangan silamnya sambil memerah darah yang masih tersisa.

“Dang...! Berapa ni...?” Ulang wanita lebih separuh umur itu.

“Oh...!” Naina terkejut.

“Takajut kau...”

“Minta maaf, bu Hajah...” Naina tersipu-sipu sedikit malu sambil mengurak senyum walaupun senyuman itu masih bergaul dengan kesakitan dari cucukan duri mawar jingga itu.

“Mengapa tanganmu badarah ah...?” Tanya wanita lebih separuh umur itu lagi.

“Tacucuk duri tadi...” Jawab Naina pendek.

“Andangnya...kalau kitani karaja dangan duri awal ahir pasti tacucuk jua tu...” Wanita lebih separuh umur itu simpati. Kemudian wanita lebih separuh umur itu berlalu kerana tidak ada bunga-bunga pilihannya di situ. Dia cuma menjadi dalang untuk menumpaskan kenangan silam Naina dengan pemuda yang sudah berumahtangga itu.

Naina berasa lega dan hairan mengapa tiba-tiba pagi itu dia tercucuk duri lagi, kerana itu tanpa diundang segala kenangan lalunya seolah diputarakan

semula. Naina tidak berminat untuk mengingatkan kembali segala peristiwa buruk dan merugikan itu dengan mudah masuk ke dalam kotak kepalanya dan mengganggu fikirannya. Naina tidak mahu semua itu.

“Assalamualaikum...!” Antara dengar dengan tidak suara itu. Naina menoleh di mana datangnya suara itu.

“Walaikumsalam...!” Jawab Naina tawar. Kalaulah hukum menjawab salam itu sunat, seribu paratus Naina tidak akan menjawabnya.

“Jarimu berdarah lagi...!” Soalan itu tidak berjawab dan tidak akan dijawab oleh Naina sampai mati. Total.

“Kenapa kau datang lagi...?” Naina tidak mahu memandang wajah Firdaus yang muram ketika itu.

“Aku ingin bertemu denganmu sebelum ini tapi aku tidak berdaya,” Firdaus terpaksa berhenti berkata-kata kerana dipotong cepat oleh Naina.

Ciptalah seberapa banyak alasan namun kau tetap duri dalam jasadku...” Marah Naina tidak ada tanda-tanda hendak berhenti.

“Kau boleh marah dan kata apa saja tapi aku datang ini hendak memberitahu kau sesuatu...” Firdaus berhenti seketika kerana menelan air liurnya yang hendak meliluh keluar.

“Jangan buang masa aku dan jangan pancing sangkaan orang ramai yang tidak baik terhadapku. Kau baliklah di sana anak-anak dan isterimu menunggu.”

“Aku ingin menjemputmu malam esok dan kita sama-sama bertahlil untuk arwah kedua anak-anakku dan juga isteriku...” Firdaus berpaling dan meninggalkan Naina dicelah-celah orang lalu lalang di pasar pagi minggu itu.

Naina sepertinya dipukau kedua matanya tidak mengerdip menelan sekujur tubuh lelaki yang ditimpa musibah itu. Naina ingin memanggilnya tapi suaranya tidak terkeluar. Dia juga ingin mengejanya tapi kakinya macam disemen tidak boleh bergerak. Sekunyung pasu kecil yang di tangannya terjatuh.

‘Innalillahi wa innaillaihi raji’un...’

Cuma itu yang terungkap dalam hati wanita malang yang bernama Naina.

*TAMAT*

*Pelita Brunei keluaran 5 Mac 2016*

# *Memori untuk Jasly*



Oleh: Kesuma A.S

**AKU** faham semuanya adalah salahku jua. Aku terlalu menurutkan kata hatiku sendiri. Tapi aku sebenarnya mahukan yang terbaik untuk dirinya. Namun tidak ku menyangka apa yang ku mahukan itu menjadi tragedi yang menjerat leherku dan menyayat hatiku.

Bagi ku dia adalah perempuan misteri. Pertama kali ku melihat dia ialah semasa konvo (konvokesyen) kami lebih satu dekad yang lalu. Walaupun kami sebenarnya menuntut pada tahun yang sama selama empat tahun, tetapi sekalipun aku tidak pernah melihat dirinya. Entah bagaimana semasa konvo itu matakku terpana dan tertarik dengan kehadiran gadis Tiong Hua yang bertudung dan mempunyai tahi lalat di dagu sebelah kanan. Perasaan itu sukar aku bayangkan. Ada satu perasaan yang mendalam terhadap kehadiran gadis Tiong Hua yang aku tidak tahu dari mana datangnya.

Namun majlis yang sibuk itu menutup tirai perjumpaan yang telah menanam sesuatu benih yang halus pada perasaanku. Bagaimanapun sesuai dengan masa yang singkat itu begitulah terjadinya perasaan itu hilang ditelan kesibukan kami menjalani kehidupan dan mencari pekerjaan tanpa aku tahu siapa gadis Tiong Hua yang bertudung yang bertahi lalat di dagu sebelah kanan itu. “Agaknya

gadis misteri,” kata hati kecilku sekali-sekala apabila ingatan itu timbul dalam kesedaranku.

Empat bulan kemudian setelah menjalani berbagai temu duga kerja, aku dipanggil untuk menerima tawaran kerja. Bukan main bahagia aku ketika itu. Semasa perjumpaan itu, ada beberapa orang lagi yang dipanggil untuk menandatangani persetujuan kerja - seorang lelaki India, seorang lelaki Filipina, seorang gadis Tiong Hua dan aku sendiri. Setelah habis sesi perjumpaan itu, aku berjalan turun dengan perempuan Tiong Hua tersebut ke tempat meletakkan kereta. Kami bercerita-cerita sedikit tentang persiapan untuk memulakan pekerjaan. Kami berpisah setelah sampai ke tempat kereta masing-masing.

Seminggu kemudian kami pun mula bekerja. Bermulalah era pekerjaan dalam kehidupanku dan rakan-rakan sekerja baharu. Suasana kerja adalah berlainan dengan belajar. Kerja begitu memerah tenaga dan fikiran sehingga tidak ada banyak masa untuk memikirkan hal peribadi. Matlamat kerja ialah menyiapkan pekerjaan pada setiap hari. Tidak terasa masa berlalu begitu cepat. Setahun berlalu tidak terasa panjangnya waktu. Sehinggalah ke hujung tahun semasa majlis penyampaian hadiah penghargaan.

Dalam majlis yang serba sederhana itu, mataku sekali lagi terpana pada sosok wajah gadis Tiong Hua yang pernah aku jumpa semasa konvo sebelumnya. Subhanallah, rupanya gadis Tiong Hua yang berjalan denganku selepas menerima persetujuan kerja dan gadis Tiong Hua yang bekerja sama aku selama setahun itu adalah gadis Tiong Hua yang menggetarkan dan menawan hatiku semasa konvo. Tapinya mengapa aku tidak mengenali dan menyedari kehadirannya. Oh, kerana semasa konvo itu dia memakai tudung. Yang menyebabkan aku teringat semula ialah tahi lalat sebelah kanan dagunya itu. Hatiku berteriak semacam kegembiraan. Gadis pujaanku itu rupanya dekat denganku dan dia ialah Jasly rakan sejawatan yang telah bekerja denganku lebih kurang setahun lamanya.

Sejak itu aku berusaha mendekati gadis Tiong Hua itu bila-bila masa ada kesempatan walaupun dia sedikit pun tidak memberikan layanan yang ku harapkan. Di mana-mana ada acara atau majlis aku akan ambil kesempatan bercakap dengan dirinya. Apabila ada sesi bergambar aku tidak buang peluang berdiri dekat dengan dirinya. Gambar itu aku ambil dan simpan. Kadang-kadang gambar itu aku gunting cukup untuk gambar kami berdua sahaja. Agaknya aku sendiri yang berangan-angan saja. Aku tidak berani untuk meluahkan apa yang tersirat di hati. Siapalah diri ini kataku. Aku bukannya tampan dan aku bukannya

kaya, sedangkan dia gadis Tiong Hua yang ada rupa dan kedudukan. Banyak lelaki teman sekerja yang berminat dengan dirinya. Dia seorang perempuan yang cukup sempurna bagi pandanganku. Walaupun dia gadis Tiong Hua, tetapi dia tahu tentang adab dan kesopanan.

Entah bagaimana sesuatu berlaku. Aku masih ingat lagi tarikh keramat itu. Suatu malam selepas kami mengadakan majlis, tiba-tiba sahaja dengan selamba Jasly meminta aku menghantarnya pulang kerana dia tidak ada kereta dan ayahnya tidak dapat mengambilnya. Bukan main kuat getaran jantungku ketika itu. Malam itu hujan turun renyai-renyai. Kami tidak banyak bercerita. Kami lebih banyak mendiamkan diri semasa dalam perjalanan pulang itu sedang aku sukar mengawal degupan jantung dan nafasku. Namun, sejak itu hubungan kami semakin rapat dan dua tahun kemudian di antara aku dan Jasly mempunyai ikatan cinta kasih dan sayang.

Dalam perjalanan mengharungi kehidupan dengan kisah cinta kami, semakin lama percintaan kami semakin banyak halangan. Halangan besar ialah keluarga. Keluarganya tidak merestui anak mereka menjalin hubungan selain dari bangsa mereka. Terdengar di telingaku mereka sangat menentang keras hubungan seperti itu. Dalam keluarga mereka pernah ada seorang pada pangkat datuknya yang berkahwin dengan bangsa lain. Akhirnya datuknya itu dipulaukan dari keluarga mereka hingga dia meninggal pun tidak dipedulikan dan diziarahi. Begitu juga dengan keluargaku. Walaupun mereka tidak menghalang, tetapi mereka tidak begitu menggalakkannya. Tapi bagiku maksud mereka juga adalah sama sahaja. Aku fikirkan zaman Siti Nurbaya sudah tidak ada lagi, rupanya zaman itu masih berterusan hingga ke hari ini ke zaman moden zaman globalisasi ini.

Peristiwa itu benar-benar menakutkan Jasly untuk hidup bersama dengan diriku. Dia tidak mahu juga kehilangan kedua ibu bapa dan keluarganya. Tapi dia juga tidak sanggup berpisah dengan diriku. Halangan itu membuatkan kami berfikir sendiri. Kami juga tidak berani untuk keluar secara terang-terangan kerana ditakuti terserempak dengan keluarganya apa lagi untuk bertandang ke rumahnya. Di tempat kerja, kami juga terpaksa menutupi hubungan kami kerana di sana juga ada saudaranya yang sama-sama bekerja yang mungkin menghebohkan hubungan kami.

Sukar bagi kami untuk menciptakan hubungan yang lebih terbuka seperti pasangan yang lain. Jadilah kami hubungan yang tertutup dan tertutup. Jika kami keluar kami cuma bercerita-cerita dalam kereta sambil memandu kereta

ke sana ke mari tanpa sebarang tujuan. Kadang-kadang tidak terasa hingga jauh malam aku memandu dan ada beberapa kali Jasly tertidur dalam kereta. Begitulah sahaja kehidupan cinta kami selama beberapa tahun. Kami tidak membeli-belah bersama, menonton wayang bersama, minum bersama, belayar bersama apa lagi untuk mengunjungi rumah keluarganya. Yang menyedihkan ketika tiba hari kebesaran kami. Kami tidak menyambutnya bersama-sama. Dia dengan hari kebesarannya dan aku dengan hari kebesaranku. Semuanya kami lakukan untuk tidak melukakan hati keluarga masing-masing sedangkan sebenarnya diri kami yang terluka dan amat terluka.

Betapa sayangnya aku kepada dirinya, lama kelamaan sayangku itu bertukar menjadi cemburu yang menebal. Aku cemburu bila dia keluar bersama saudaramara, sepupu dan kawan-kawannya. Apa lagi apabila dia keluar negeri. Aku cemburu bukannya kerana aku tidak percaya pada dirinya. Aku cemburu kerana dia pergi bukan bersama dengan diriku. Sepatutnya bagi diriku dia bergembira dan bersuka-ria itu bersama dengan diriku bukannya bersama dengan orang lain. Sepatutnya dia bersama dengan aku orang yang disayanginya dan yang dicintainya. Maksudnya bersama dengan diriku. Apakah egoku berada pada titik wajar atau tidak aku pun kurang pasti. Yang aku pasti aku cepat tersentuh dan mudah merasa sedih.

Cemburu yang tidak menentu menyebabkan aku mula mengawal ketat gerak-gerinya. Aku tidak membenarkan dia keluar sesuka hati kecuali jika bersama dengan ibu bapa dan adik-beradiknya. Dia mesti memberitahu aku dan meminta kebenaran sebelum keluar. Setiap masa dan waktu perasaan cemburuku itu timbul dan begitu juga dengan rasa curiga. Perasaanku kepadanya bukan lagi seperti sebelumnya penuh kepercayaan dan pertimbangan. Aku dihantui oleh sikap yang sukar aku luahkan dengan kata-kata.

Namun di kala fikiranku jernih, aku menyedari tindakanku itu begitu kejam buat dirinya. Sudahlah dia tidak dapat keluar bersama denganku, malah dia juga tidak dapat keluar bersama dengan rakan dan saudaramaranya. Aku seakan-akan merantai batang tubuh manusia dan menyekat kebebasannya. Aku tahu dia tidak seperti perempuan yang lain yang hidup bahagia bersama pasangannya pergi ke sana ke mari tanpa halangan. Memang susah. Hendak jalan-jalan bersama dengan diriku mendapat halangan dan untuk keluar rumah menikmati kehidupan bersama teman juga mendapat halangan. Dia tersepit di antara dua kehidupan. Cuma dia seorang yang bersabar dan kuat menghadapi tekanan itu.

Menyedari hakikat itu, ada sekali dua aku suarakan untuk melepaskan dirinya. Tapi suaraku itu tidak didengarnya. Dia belum bersedia untuk menutup tirai hubungan kami katanya. Aku sebenarnya tidak sampai hati untuk menggantung dirinya. Jika dia bersama dengan bangsanya sudah pasti dia sudah mempunyai keluarga dan beranak-pinak dan bahagia melayari kehidupannya. Bersama dengan diriku seolah-olah tidak ada matlamat kehidupan yang hendak ditujunya. Masa tetap berlalu dan kami juga terus dimakan usia.

Beberapa bulan kebelakangan ini aku jatuh sakit. Aku ditimpa penyakit jantung yang tidak normal yang sering menyerang diriku, di samping pendarahan. Sekali sekala aku batuk darah. Penyakit itu benar-benar mengganggu hidupku. Aku sentiasa tidak bermaya dan lemah sahaja. Fizikal dan mentalku sangat terganggu. Aku mula asyik marah-marah dan cuba menjauhkan diri dari sesiapa termasuk Jasly. Aku terlalu sensitif. Cara berfikirku negatif sahaja. Dalam fikiranku penuh dengan perkataan mati sahaja. Tiada lain yang ku fikirkan selain dari mati yang hendak menjemputku. Sikap negatifku menjadi racun pada hubungan kami ditambah lagi dengan sikap cemburuku. Sedikit sahaja dia keluar bersama dengan rakan-rakan aku sudah berfikiran negatif. Aku mula melontarkan kata-kata yang tidak enak didengar oleh orang yang mencintaiku. Aku sebenarnya hanya mahukan perhatian dari Jasly. Tapi aku tidak mendapatkannya. Namun aku bodoh kerana tidak menyedari masalah keluarga tidak membolehkan Jasly memberikan perhatian yang lebih seperti yang ku harapkan. Pergerakannya adalah terjejas. Dia hanya mampu memberikan kata-kata semangat dan perhatian melalui telefon bimbitnya sahaja. Kalau dikatakan bodoh, memanglah aku bodoh.

Dalam mengharungi kesakitan itu timbul juga kesedaran dalam diriku tentang diriku dan diri Jasly. Aku menyedari hubungan kami sebenarnya tidak mendapat tempat yang baik dalam kehidupan. Aku bercontoh dari keadaan diriku yang sakit, walau setinggi mana cinta kasih sayang kami, tetapi bila ada halangan keluarga, kami sendiri tidak dapat memberikan yang terbaik untuk diri kami sebagai pasangan. Hubungan kami seolah-olah satu angan-angan sahaja dengan harapan yang kuat dan membara, tetapi tidak dapat berbuat sesuatu apabila pasangan sangat memerlukan. Aku pun berfikir demikian jika Jasly yang berada pada tempatku. Setentunya aku juga tidak dapat memberikan perhatian kepada dirinya sepertimana yang diharapkannya. Aku juga yakin yang aku akan mati. Jika benar aku akan mati, aku mesti lepaskan dirinya. Dia mesti mencari kehidupan untuk dirinya untuk masa depannya yang lebih bahagia. Aku merasa sangat takut. Jika aku mati tidak ada nanti orang untuk menjaga

dirinya. Biarkan dia berjodoh dengan lelaki yang sebangsa dengan dirinya yang akan diterima oleh kedua ibu bapanya. Aku mesti korbankan kasih sayangku untuk kebahagiaan dirinya. Aku juga ingin melihat kehidupannya yang bahagia, berkeluarga dan beranak-pinak. Biarlah ada orang lain yang menjaga dirinya hingga ke hari tuanya. Dengan keadaan diriku yang sakit-sakit dan masalah yang kami lalui, hubungan kami tidak akan sampai ke mana-mana biar harapan kami tinggi melangit.

“Jasly aku minta maaf. Aku rasa hubungan kita sudah semakin jauh dan jauh dari apa yang kita meterai dulu. Aku pun sudah sakit-sakit dan tidak mempunyai masa yang banyak untuk menghiburkan dirimu Jasly. Aku berharap carilah kehidupanmu sendiri Jasly yang sesuai dengan dirimu dan juga keluargamu. Jasly pergilah selagi masih belum terlambat selagi kau masih muda dan masih cantik lagi. Pergilah Jasly, pergilah. Aku sangat takut Jasly, takut pada kematian. Bila aku mati nanti, tidak ada orang yang akan menemani dan menjaga dirimu Jasly. Aku doakan Jasly akan lebih bahagia dan juga dapat membahagiakan keluarga. Maafkan aku kerana mengambil masa hidup bersamamu dan gagal membina istana bersama denganmu. Selamat tinggal Jasly, kenang aku dalam memori gembiramu dan kuburkan aku dalam hatimu.”

Begitulah kata-kata terakhir yang aku sampaikan kepadanya. Biar berat dan sakit rasanya namun aku terpaksa. Aku terpaksa melepaskan demi kebahagiaan dirinya dan melihat keadaan diriku yang sudah putus harapan untuk hidup.

Kini Jasly yang ku sayangi sudah pergi jauh yang tidak mungkin dapat aku pintal balik. Dan aku hingga sekarang pun masih lagi hidup. Hidup dalam penderitaan kerana kehilangan orang yang aku sayangi. Aku mensia-siakan cintanya hanya kerana aku terlalu kecewa dengan penyakitku, berfikiran negatif untuk mati. Aku tidak kuat menghadapi masalah keluarga yang mencantas hubungan kami. Ketika ini aku mengharapkan Jasly hadir semula dalam hidupku biar pun itu sangat mustahil. Maafkan aku Jasly.

*TAMAT*

*Pelita Brunei keluaran 11 April 2016*

# *Berjoging*



Oleh: Pat

**CUACA** cerah sekali. Matahari pagi memancar dengan gagahnya. Cikgu Budin dengan semangat kesukanannya sedang memasang kasut jogingnya. Pagi ini dia akan berjoging. Sudah sekian lama dia tidak berjoging, padahal joging itu salah satu aktiviti kegemarannya sejak dia masih di bangku sekolah lagi.

Sebaik sahaja selesai memasang kasutnya itu, Cikgu Budin terus melangkah keluar, menuju ke kereta sportnya yang terletak di dalam garaj. Sedang beberapa minit, kereta itu dipandunya perlahan-lahan menuju ke jalan raya. Kira-kira 20 minit kemudian, dia pun sampai ke destinasi yang dimaksudkan. Sebuah taman rekreasi yang cukup indah, lengkap dengan kemudahan asas yang diperlukan oleh sebuah taman yang standard.

Memang setiap pagi dan petang, taman ini tidak akan kesunyian dari para pengunjung, termasuk para pelancong asing dan tempatan. Setiap pagi kita dapat melihat berbagai-bagai para pelancong asing dan tempatan. Setiap pagi kita dapat melihat berbagai-bagai lapisan masyarakat mengunjungi tempat ini untuk beriadah mahupun berjoging. Dari peringkat anak kecil hinggalah ke peringkat warga emas. Mereka datang dengan tujuan masing-masing, seperti

*strolling, jogging, hiking, jungle trekking* ataupun sekadar duduk bersiar-siar sambil menikmati panorama taman. Jumlah pengunjung ini biasanya semakin meningkat pada waktu hari-hati tidak bekerja seperti hari Jumaat, Ahad dan hari-hari kelepasan awam yang lain.

“Ih saurang sajakah?”

Tiba-tiba seseorang menyapa Cikgu Budin dari kanan belakangnya. Cikgu Budin berlari agak perlahan. Lariannya masih dalam kategori tengah memanaskan badan. Aktiviti memanaskan badan itu penting sebelum melakukan larian yang sepenuhnya. Cikgu Budin menoleh ke kanan untuk memastikan siapakah yang menyapanya itu tadi.

“Ih Cigu Momin, ku fikirtah urang lain tadi. Awu saurang saja. Kalau usulnya ok nanti, barutah ku mambawa familiku ka mari. Lagipun baru jua ku marasai juging di sini ani, sabatah ia diubah suai atu. Salalunya aku juging di Padang Kebajikan, di Bukit Shahbandar, dan jua sakali-sakala di Persiaran Damuan,” jelas Cikgu Budin.

Menurut Cikgu Momin memang ia selalu berjoging di situ. Hampir setiap pagi Jumaat, Ahad dan hari-hari kelepasan yang lain, orang yang mengenalinya selalu melihatnya joging di sini. Rumah Cikgu Momin dekat dengan taman ini, bahkan taman ini sendiri termasuk dalam lingkungan kampungnya. Ini satu *advantage* buat Cikgu Momin. Tetapi bagi Cikgu Budin tidak begitu. Baginya kalau tidak kerana kesihatan mungkin ia tidak akan ke situ. Alasannya, bukan kerja jauh dari rumah, tetapi bagi golongan yang berpendapatan sederhana sepertinya, ia membebankannya. Apa tidaknya jika selalu ke sana, ia memerlukan perbelanjaan khususnya, minyak kereta. Ini tidak termasuk masa yang terbuang, yang boleh diisi dengan aktiviti lain yang tidak kurang faedahnya. Tetapi kerana ingatkan kesihatan maka Cikgu Budin datang juga di taman ini.

“Ah miatu, Aku tadi ramai. Kunci-kuncuku samuanya ikut. Tapi bisdia bajalan kaki saja. kalau kan bajuging, karang ada yang batinggalan. Katungkalan pun ada jua tu, tarutamanya bila sampai arah turun naik bukit atu. Lagi satu, bila malam karang mungkin ada yang maraung sakit batis. Si Boboi, anakku yang bungsu atu, ikut jua tu, inda mau tinggal. Mama pun ikut jua walaupun lututnya inda barapa *steady*. Jadi gayanya kami ani banar-banar sakaluarga ani. Inda kanapa, jugingkah, bajalan kakikah, dua-duanya sama baik untuk kasihatan,” jelas Cikgu Momin.

Memang kawasan taman itu kawasan yang berbukit-bukau. Amat sesuai bagi ahli sukan untuk berlatih membina stamina. Bagi yang bukan ahli sukan, juga baik untuk menguatkan otot-otot anggota badan seperti otot di kaki, paha, jantung dan sebagainya.

“Bukan jua, lain pulang patanyaanku. Di mana kita mangajar masa ani?,” tanya Cikgu Momin pendek.

“Aku diparbantukan mangajar di sakulah swasta di Jerudong. Sudah empat tahun lebih ku mangajar di sana,” jawab Cikgu Budin.

“Siukkan mangajar di sana?” tanya Cikgu Momin lagi.

“Kalau dijawab pasal siuk atu, inda kitani sabagai guru, di mana-manapun karaja sama jua jinis karajanya. Hari-hari badapan dangan anak murid yang barmacam-macam karinah. Atu baru murid, balum lagi ibu bapa dan panjaganya. Sakulah zaman sakarang ani bukan lagi macam dulu. Siuk atau inda atu tagantung pada banyak faktor. Jadi ada kalanya siuk ada jua mambosankan. Aku rasa kitani macam ruda, apabila di atas, sudah pasti siuk, tapi bila di bawah, bah macam-macam tah halnya tu,” jelas Cikgu Budin.

“Awu, atu banar tu cikgu. Kitani jadi cikgu sakulah bukan macam karaja-karaja lain. Orang nampak saja sanang. Tapi mun dikupas banar-banar, antah mungkin karaja kitani ani tah paling barat. Parlu ada rasa kasabaran, kaprihatinan, salain dari sifat didikasi, disiplin dan pristasi karaja yang tinggi, Kitani parlu manguasai ilmu kamasyarakatan yang baik, sabab kitani bardapan dangan masyarakat yakni ibu bapa murid, dan juga murid atu sandiri sabagai masyarakat palapis masa dapan kitani,” terang Cikgu Momin lagi.

“Mungkin inda salah kalau dikatakan karaja kita ani lebih barat dari satangah-satangah karaja kontrik. Cuntuhnya kalau karaja kontrik, bila *you* rasa ngalih atau inda nyaman badan, mungkin *you* bawa barihat atau tidur, sakurang-kurangnya ngalih *you* atu bulih jua bakurang. Dan jua, bagi yang suka baurut, mungkin sakit atu sanang saja hilang. Sakarang anikan banyak kadai urut atu bajuritan. Yang panting asal ada duit.”

“Kitani soalnya utak yang ngalih, bukan fizikal. Sabab atulah inda hairan banyak kawan-kawan kitani yang stres gara-gara mental yang inda stabil. Tambah lagi kalau inda pandai manjaga kasihatan,” jelas Cikgu Momin.

Mungkin apa yang dikatakan Cikgu Momin itu ada kebenarannya. Mungkin itu sebabnya jua, kita sering melihat banyak para pekerja kontrak melimpang atau tidur di tepi jalan sebaik saja ada waktu untuk berehat. Pernah suatu hari Cikgu Budin sengahaja membunyikan hon keretanya apabila terlihat beberapa orang pekerja pemotong rumput tidur berehat di tepi jalan. Tujuan Cikgu Budin bukan untuk mengganggu mereka berehat, tetapi supaya mereka berpindah ke tempat yang agak selamat. Apa tidaknya jika sekiranya ada kenderaan yang terbabas ke arah mereka, sudah tentu mereka akan menerima padahnya. Mungkin pekerja-pekerja asing ini tidak begitu memikirkan soal keselamatan melainkan untuk menghilangkan rasa keletihan atau kepenatan sahaja.

“Awu, iatah kitani ani masti pandai manjaga kasihatan diri, mental dan fizikal. Kalau inda, kitani sandiri jua binasa. Nya orang, macam umpama lilin, mambahagiakan orang lain, iaitu masyarakat, tetapi kitani sandiri yang tarbakar. Walaupun niat kitani baik dan ikhlas,” jelas Cikgu Budin.

“Awu banar tu, kasihatan atu panting, lebih panting dari sagala-galanya. Aku, iatahku rajin bajuging ani. Sakurang-kurangnya turun jua stresku atu. Mimang kitani ani inda dapat lari dari stres tapi tahapnya mistilah takawal. Apabila stres negatif bakurangan, maka motivasi bakaraja bulih maningkat dan secara inda langsung maningkatkan pristasi karaja kitani jua,” jelas Cikgu Momin.

“Th wang makin lampuh ku liat dikau ani. Baiklah kau hari-hari bajuging dan kurangkan jua, nafsu makanmu atu.”

Begitu kata nenek pada anak sepupuku, pada suatu hari. Ketika itu kami sedang berkumpul untuk makan malam di rumahku. Anak sepupuku itu memang gemuk dan umurnya baru saja sembilan tahun. Mengikut kata emaknya, ia suka makan makanan dari berminyak dan bergoreng. Selain itu hampir setiap minggu, ia makan makanan dari restoran-restoran makanan cepat seperti KFC, Sugar Bun, Ayamku dan seumpamanya.

“Lagipun, kalau badan atu talampau lampuh, karang susah cari karaja yang sasuai. Kalau karaja macam askar yang mamarlukan katahanan fizikal, jangantah barangan-angan, kampunan saja. Lagipun kalau kitani talampau lampuh, panyakit mudah basarang arah parut kitani. Kalau sudah sakit susah diubati. Apa kata urang, mancagah lebih baik dari mangubati,” nasihat nenek pada kami ketika itu.”Lagi satu, kalau badan atu talampau lampuh, inda jua bisai. Inda manarik, nada putungan. Ani panting lebih-labih lagi kalau bini-

bini. Kalau mau lawa di mata palakian, baik jua badan atu dijaga. Jangankan yang lampuh, urang yang kurus pun sibuk malangsingkan badan. Tambah lagi macam-macam saja produk kasihatan dijual masa ani. Bah, dikau wang, rajin-rajintah bajucing. Bukan saja Si Awang, tu nah, Si Kiah, Si Tinah, pun bulih ikut bajucing. Papa kamukan rajin bajucing?. Bah, bisuk ikuttah, apa lagi,” sambung nenek lagi.

Cukup bersemangat nasihat nenek itu. Semua yang mendengar seolah-olah tersinggung dan menyesal kenapa tidak mengamalkan jogging dari dulu lagi. Nenek sendiri sekarang sudah berusia hampir 60 tahun. Di hujung tahun ini dia bakal menerima elaun pencen tua. Namun susuk tubuh nenek tidak menggambarkan usianya itu. Ada di antara kawan nenek tidak percaya usia nenek itu. Malah secara diam-diam ada pula yang menuduh nenek memakai ‘susuk’. Tetapi apa yang kami ketahui, nenek tidak pernah mengamalkan semua itu. Lagipun nenek memang tidak yakin akan adanya kuasa benda-benda seperti itu. Apa yang jelas di mata kami, nenek sentiasa mengamalkan gaya hidup sihat. Setiap pagi nenek *strolling* di sekeliling rumahnya di samping mengamalkan makanan yang berkhasiat dan bermutu tinggi.

Kitani di bumi Brunei Darussalam ani sangat beruntung. Dengan adanya kemakmuran dan sikap pemedulian pihak pemerintah, dapatlah kita menjalankan aktiviti riadah seperti berjoging ani. Apa yang penting sekarang ialah tindak balas kitani untuk menyahut cabaran ani. Dan sekali gus untuk merealisasikan impian negara iaitu mewujudkan warga sihat.

“Babalik soal kitani sabagai saurang guru sakulah. Kitani ani adalah jalama cuntuh. Jadi sabagai jalama cuntuh atau *role model* kitani patut malaung-laungkan macam mana cara hidup sihat sadangkan kitani sandiri inda manunjukkan jalan ka arah atu. Nya orang janganlah macam katam manyuruh anaknya bajalan lurus. Lagipun untungnya kitani sandiri jua. Kalau kitani sihat karaja pun inda tagandala,” jelas Cikgu Budin.

Cikgu Budin dan Cikgu Momin terus berjoging. Mereka berjoging bersama-sama, turun bukit naik bukit sambil berbual-bual. Di depan dan di belakang mereka kelihatan ramai orang berduyun-duyun berjoging. Mereka berjoging dengan gaya tersendiri. Ada yang membawa sabotol air, tuala pengelap peluh, tongkat dan juga telefon bimbit. Kemudian ada pula yang menggunakan muzik dengan berbagai-bagai rentak sebagai penambah selera berjoging.

“Ih Tuan Karim kah tu?” tiba-tiba Cikgu Momin menyapa seorang pejoging

yang berbadan tegap datang dari arah hadapan. Dia memakai pakaian sukan lengkap dan bertopi. Binaan badannya cukup menarik. Salah pandang, macam pelakon filem komando yang pernah Cikgu Budin tonton di kaca televisyen sebelum ini.

“Th Cigu Momin sama Cigu Budin. Lama sudah? barapa round? Inda disangka kitani bajumpa pagi ani. Apa kabar cigu-cigu badua?” tanya Tuan Karim.

Kami bertiga berhenti di tepi jalan sekejap. Maklumlah sudah lama tidak pernah berjumpa dengan Tuan Karim.

“Masa ani syukurlah kami masih sihat. Kalau inda, balum tau kitani bajumpa pagi ani, usulnya sanang ati ni. Pincin sudah kita tuan?” Cikgu Momin bertanya.

“Awu, taun lapas sudahku pincin. Iatah sudah inda lagi karaja ani, ampir tiap-tiap pagi ku bajunging. Kalau inda di sini, di kawasan stadium. Tapi salalunya di Bukit Shahbandar. Aku ani inda mamilih tempat, yang panting asal saja tempat atu, selamat dan mudah didatangi,” jelas Tuan Karim.

Tuan Karim dahulunya pernah belajar sekelas dengan Cikgu Budin dan Cikgu Momin. Bukan saja sekelas, malah mereka sama-sama tinggal di asrama. Sebaik saja tamat pengajian tingkatan enam, mereka berpisah. Tuan Karim memasuki pengambilan pegawai askar sementara Cikgu Budin dan Cikgu Momin memasuki Maktab Perguruan. Umur mereka hampir sama. Oleh kerana tempoh perkhidmatan dalam tentera tidak berpandukan umur, maka Tuan Karim telah bersara terlebih dahulu dari Cikgu Budin dan Cikgu Momin. Dia berkhidmat di ABDB selama 25 tahun, manakala Cikgu Momin dan Cikgu Budin masih lagi bergelut dengan suasana pekerjaan yang kini semakin mencabar itu.

Cikgu Budin dan Cikgu Momin meneruskan joging lagi, setelah berhenti sebentar berbual-bual dengan Tuan Karim. Kali ini mereka naik bukit. Langkah mereka semakin perlahan tetapi terus berjoging. Dalam gerak langkah perlahan ini mereka sempat juga memotong beberapa orang pejoging lain yang terdahulu dari mereka.

“Th laju jua cigu.”

Salim salah seorang bekas penuntut Cikgu Momin menyapa dari tepi. Dia berjalan kaki. Mungkin terlalu letih agaknya. Kelihatan baju ‘T’ nya yang bertulis ‘Run With Me’ di belakangnya basah oleh tumpuk-tumpuk peluh.

Salim selalu menggunakan taman ini untuk berjoging. Alasannya kawasan ini tidak begitu panas kerana di kiri dan kanan jalan dihiasi dengan pepohon yang rendah. Mungkin itu juga satu tarikan para pejoging untuk berjoging di situ.

“Bisuk hari Ahad, bapakan bajuging di Tasek Lama? Mau kamu ikut? Kalau ikut bangun awal. Lagi awal lagi baik inda panas. Dan lagi kalau kan ikut jangan lupa bawa butul air putih, Lapas juging tarus balik, nada singgah-singgah di kadai minum,” beritahu Cikgu Budin pada anak-anaknya selepas makan malam petang itu.

“Bali air piasau bulih bah?” Si Jibun tiba-tiba menyampuk.

“Atu bulih dan yang baiknya cari yang inda bacampur gula,” Cikgu Budin menjawab Si Jibun.

Memang tidak dinafikan ada setengah orang singgah di kedai minum selepas berjoging atau bersenam. Singgah di kedai itu memang tidak salah. Cuma yang tidak digalakkan ialah meminum dan memakan makanan yang tidak sepatutnya selepas bersenam. Contohnya makan martabak, mi goreng, nasi lemak, minum teh tarik, teh tarik India dan seumpamanya. Jika ini selalu diamalkan, maka hasil senaman atau berjoging itu tidak akan berbaloi. Bagi mereka yang cuba melangsingkan badan mungkin juga tidak akan berkesan. Jadi untuk penghasilan kesihatan yang maksima, maka perlulah menjauhkan perkara seperti itu. Disiplin diri perlu ada.

Cikgu Budin memang suka bajoging. Dalam senarai jenis kesukanan yang ia gemari, joging adalah yang teratas sekali. Pada zaman persekolahannya, kebetulan waktu itu dia tinggal di asrama, Cikgu Budin selalu berjoging. Setiap Subuh, sebaik saja Sembahyang Subuh, dia sudah turun berjoging ke pantai, atau mengelilingi padang sekolah sahaja, jika cuaca baik. Kebetulan di era 70-an dan 80-an, semua penuntut asrama dilibatkan dengan aktiviti joging pagi. Ini dilakukan setiap pagi Jumaat dan Ahad sambil diawasi oleh guru pengawas asrama. Itulah yang dilalui oleh Cikgu Budin semasa dia menuntut di sebuah sekolah menengah di Tutong ketika itu.

“Pa, kasut jugingku kuyak. Nada pakai juging isuk?” kata Saiful, salah seorang anak lelaki Cikgu Budin.

“Karang kitani mambali, kitani bali di kadai Giant Tasek Rimba saja, sabab di sana pun ada jua bajual kasut juging, lagipun katanya, harga murah satinggi hari.

Atu tah yang kitani mau, masti pandai bajimat-jimat dalam babalanja bukan satu saja yang dibali,” balas Cikgu Budin.

“Kasut juging ani inda parlu gim kah? Badan atu maintain nampaknya, macam urang salalu ka gim,” salah seorang cikgu tiba-tiba melemparkan pertanyaan pada Cikgu Budin. Mereka sama-sama duduk sambil minum dan makan nasi katok. Sekarang ini nasi katok adalah di antara makanan yang paling digemari dan mudah didapati. Di sekolah Cikgu Budin, guru-guru membawa nasi katok secara bergilir-gilir.

“Aku inda ka gim. Cuma juging di luar saja. Bukan ku inda mau, tapi buat masa ani balum lagi masanya. Lihatlah nanti,” jawab Cikgu Budin singkat.

Memang tidak dinafikan peralatan yang disediakan di gim banyak. Mereka yang menggunakannya boleh memilih mengikut kesukaan masing-masing. Ini ditambah lagi dengan udaranya sejuk dan nyaman. Tapi semuanya ini memerlukan perbelanjaan. Kadang-kadang ada lagi yang pakar, ini Cikgu Budin menganggap gim itu, macam untuk golongan elit saja. Kalau soal peralatan, Cikgu Budin juga terdapat dua buah alat untuk *exercise*. Baginya itu sudah memadai untuknya, sebagai gantian bajoging kalau cuaca di luar inda baik.

Zaman sekarang memang ramai orang pergi ke gim. Baik lelaki mahupun perempuan. Gim ini bukan saja udaranya sejuk, peralatannya banyak, tapi cara pengendalian *exercise* itu cukup teratur. Bagi gim yang berkualiti tinggi, disediakan fasilitator yang boleh meningkatkan semangat kita untuk bersenam dengan alunan muzik tertentu.

Selain itu, gim ini tertutup dari pandangan umum, sesuai bagi kaum perempuan yang tidak gemar memperlihatkan susuk tubuh mereka di khalayak umum. Gim ini juga membuka peluang pada mereka yang tidak berkesempatan untuk bersenam pada siang hari.

“Pa, ma, sakulah Inah kan mangadakan jugatun bulan dapan. Jauh larinya 10 kilometer,” kata Tinah anak perempuan Cikgu Budin.

Mereka sekeluarga sama-sama berehat selepas makan malam. Si Saiful sedang menyiapkan *assignment* untuk peraduan bahas antara sekolah-sekolah menengah dan maktab-maktab senegara, minggu hadapan. Tajuknya mudah saja, iaitu ‘Senaman menjamin kualiti hidup berpanjangan’.

“Baik sudah tu. Apakan diinginkan. Kamu pun salalu, ikut babah bajucing. Iatah bajucing ani banyak faidahnya. Cuntuhnya ni, jucing atu bukan untuk kasihatan saja tapi sabagai parsediaan dalam apa jua acara yang barkaitan. Bagi yang mau manurunkan barat badan, jucing ani satu daripada caranya. Mangikut yang ku dengar dalam radiu, jucing pagi paling mujarab untuk manurunkan barat badan. Mungkin ada kajian sudah dibuat pasal jucing ani,” jelas Cikgu Budin.

“Harapan kitani kalau bulih, samua warga Brunei ani inda akan jamu-jamu mangamalkan aktiviti bajucing. Sabab faidahnya banyak. Lagipun sakarang ani banyak aktiviti yang barkaitan dangan jucing tarus diadakan. Cuntuhnya, ‘Larian Hari Keputeraan, Larian Olimpik’ dan sabagainya. Kamudian ada lagi yang dianjurkan ulih badan-badan lain macam anjuran Bank Standard Chartered dan lain-lain badan NGO. Jadi yang panting kita sudah manyahut saruan diurang atu,” sambung Cikgu Budin dengan panjang lebar.

“Jucing ani bukan pulang manjanjikan 100 paratus sihat. Atu jangan silap jua. Sabab banyak faktor lain yang manyumbangkan ka arah hidup sihat ani. Sabab atulah kita jua ada mandangar urang mati, sadangkan hari-hari aktif exercises. Anilah manunjukkan ada lagi faktor lain yang inda kurang pantingnya. Antaranya yang jalas, makanan handaklah saimbang, inda basigup, cukup rihat dan lain-lainnya. Diurang Si Kiah, Si Tinah sama Si Jibun, tau sudah ni. Sabab diurang, di sakulah ada balajar arah subjek-subjek Sains. Bah apa lagi, amalkan tah. Ilmu yang ada perlu dipraktikkan dan jangan disimpan saja,” sambung Cikgu Budin lagi.

“Bah Ful, Bun, Inah, Kiah, sudah siap? Karang mun akhir hari panas ni. Karang kamu jua basungut. Bah, laju tah turun. Babah tunggu di karita ni.”

Tanpa membuang waktu Cikgu Budin dan keluarganya pergi ke destinasi yang dimaksudkan.

*TAMAT*

*Pelita Brunei keluaran 25 April 2016*

# *MEMORI DI BULAN RAMADAN*

## Memori di bulan RAMADAN



Oleh: ADI JIWA

Awal pagi lagi Auni mengambil cuti untuk menyambut bulan Ramadan di kampung bersama mama seperti tahun lepas. Bersambung dengan raya dalam tinggal seminggu saja. Cukuplah. Bulan Ramadan lebih penting kerana Auni mahu menyerahkan dirinya sepenuhnya kepada Allah. Auni mahu membasuh dosanya pada bulan keinsafan itu. Kalau Nora mula bersekolah tentu Auni tidak boleh mengambil cuti panjang begini. Nora baru lima tahun. Kasihan dia, masih kecil sudah ditinggalkan papanya.

“Auni perlu mencari papa untuk Nora, Auni. Kau tentu tidak akan sepi begini. Sepanjang bulan Ramadan kau pulang ke kampung. Raya tinggal seminggu saja, kau mula bekerja sedangkan waktu itu kami masih seronok beraya bersama keluarga. Kau tak rindu saat-saat indah itu, Auni? Maksudku ada sebuah keluarga yang lengkap. Aku tahu kau sunyi,” ujar

Yati, teman sepejabatku dan juga temanku yang paling baik. Dialah satu-satu kawanku yang tidak bimbang bila mendengar aku dan Leman bercerai dan aku menjadi janda. Mitosnya bagi seorang perempuan, janda akan merampas suami mereka. Auni jadi lucu dengan ketakutan mereka kepada janda seperti Auni. Takut mereka seperti syaitan. Mereka seperti tidak percaya kepada kekukuhan cinta yang dipadukan oleh mereka sendiri sekian lama atau mungkin cinta di hati mereka selama ini sebenarnya tidak kukuh. Jadi, tepuk dada tanya selera.

“Auni tidak fikir langsung tentang itu, Yati. Auni bahagia dengan Auni sekarang,” jawabku sambil jemariku menekan huruf di *keyboard* komputer. Banyak kerja yang perlu kubereskan sebelum bercuti lama.

“Tapi kau sunyi.” “Kau mana tahu Auni sunyi?” “Mata kau, pergerakan kau dan semuanya, Auni.” “Auni ada Nora. Dia segalanya.” “Anak itu juga sunyi seperti mamanya. Kau seperti menyuntik kesunyian di dalam dirinya. Dia seakan kalih dengan titi perjalanan itu yang serupa itu. Berikan kegembiraan untuk Nora walaupun bukan untukmu,” Yati mula berfalsafah. Di bangku sekolah dulu dialah yang selalu juara dalam menulis sajak dan mendeklmasi puisi. Akhirnya dia bertemu jodoh dengan penyair sepertinya juga. Kata orang, jiwa orang seni halus. Mereka tahu menghargai inci kasih sayang. Rasa sayang dan rasa marah semuanya mengalir dalam kata-kata dan akhir diserap ke hati. Sedang Leman, seorang guru sekolah yang keras jiwanya. Tidak pernah mengerti dan hanya mementingkan perasaan sendiri saja. Akhirnya, segala kubina berkecai. Mungkin yang membina hanya Auni sedang Leman mahu merobohkan.

“Ramai lagi lelaki yang baik di luar sana, Auni,” bisik Yati sambil tersenyum. Auni turut tersenyum dengan pernyataan itu. Hati orang bukan seperti hati ayam. “Atau Auni masih sayang pada Leman?” Kalau Auni masih sayang bermakna Auni gila bayang. Gila talak sedang Leman tengah berbahagia dengan isteri barunya. Auni telah melupakan Leman dan kehidupan di masa lalu tetapi kenangannya masih tinggal. “Auni tidak mahu ingat dia lagi.” “Tapi dia tetap Abah Nora.”

“Abah yang bertanggungjawab akan sentiasa mengambil tahu tentang anaknya, Auni,” Auni mula beremosi. Sudah lebih dua tahun Leman mengabdikan nafkah terhadap Nora. Sejak Leman beristeri baru dia tidak datang menjenguk Nora lagi. Mula-mula Leman menjatuhkan talak dulu, Leman selalu mengugut untuk merampas Nora daripada jagaanku, menggunakan kuasa yang ada padanya. Walaupun dia tidak datang Auni lega. “Marahmu berapi, Auni. Itu tanda Auni masih sayang pada Leman.” “Yati pandai-pandai saja,” Auni tambah berang dengan Yati kerana mengacah Auni begitu. Auni tidak menyayangi sesiapa lagi kecuali sayang Auni sendiri, pada Nora dan pada mama yang melahirkan Auni.

“Maafkan Auni, Yati. Auni hanya mahu bergurau. Kalau kau bercuti panjang nanti, tentu Auni tidak dapat bergurau dengan kau lagi,” Yati datang kepadaku dan memeluk belakangku manja. “Kalau Auni tiada, puaslah kau mengumpat tentang aku.” Auni tidak terlibat. Lagipun Auni tidak mahu pahala puasaku menjadi kurus. Lewat senja Auni sampai di rumah mama. Walaupun hari sudah gelap lampu di ruang tamu masih tidak berpasang. Auni merasa kesuraman dan kesunyian yang maha perit. Mama menyambut kedatangan kami seadanya. Itulah mama sejak papa pergi tiga tahun yang lampau. Sebenarnya mama turut pergi bersama papa. Yang tinggal cuma jasadnya. Kemeriahan untuk menyambut bulan Ramadan telah hilang. Waktu papa masih ada tentu waktu-waktu begini papa sibuk mencari ikan untuk dimakan waktu bersahur nanti. Kata papa bersahur yang pertama mesti istimewa. Selepas selesai tarawih, papa akan terus tidur kerana takut tidak terjaga waktu dinihari untuk bersahur. Papa yang selalu mengejutkan kami waktu bersahur. Kami wajib bersahur kerana kata papa, jangan diabaikan pahala bersahur kerana yang mendapat ganjaran pahala itu bukan sahaja orang yang bangun bersahur tetapi juga kepada orang yang menyediakan juadahnya. Bila kembali ke rumah peninggalan papa ini, terasa terngiang-ngiang di telinga suara papa terutama bila bulan Ramadan tiba. Sesungguhnya bulan Ramadan mendekatkan kami. Kerana itu Auni berusaha mengambil cuti untuk berpuasa bersama mama. Auni mahu menyambung kasih sayang mereka. “Auni, kau tak mahu kahwin lagi?” Tanya mama ketika kami balik dari surau. Tangan kasar mama membelai rambut panjang Nora yang tertidur di atas ribaku. Mungkin keletihan waktu di surau tadi. Walaupun tidak

mampu bersembahyang dengan sempurna tetapi dia cuba mengikut gerak kami. Kadang-kadang dia terduduk untuk menghilangkan rasa letih. “Mama mahu cucu lagi?” Soalku sambil menyentuh tangan mama. Dulu kami sangat akrab. Mungkin hanya Auni anak perempuan mama. Sebab itu, Auni tidak berdaya untuk menolak permintaan mama supaya menerima Leman sebagai suami walaupun cintaku terhadap lelaki itu tidak pernah dekat. “Cucu mama sudah enam orang, Nora, anak abang Ngah ada dua orang dan anak Amin dah nak masuk tiga. Hari lebaran nanti pulang mereka. Tambah ramailah rumah ini,” Auni tersenyum sendiri membayangkan kebahagiaan itu. Walaupun mata mama tersenyum namun Auni melihat lebih banyak cahaya kesunyian dari mata itu.

“Mama yang menyebabkan Auni begini. Kalau mama tidak menentukan jodoh Auni dengan Leman tentu tidak begini jadinya hidup Auni.” “Jodoh kita di tangan Tuhan. Mama.....” Pujukku pada penyesalan mama yang sering kali dimusnahkan padaku. “Dulu papamu juga menghalang Auni berkahwin dengan Leman tetapi mama berkeras mahu Auni kahwin dengan lelaki itu semata-mata kerana Leman berharta,” kulihat air mata menitis dari kedutan di pipinya. Auni menyapu air mata itu dengan jemarinya.

“Mama berdosa pada papamu. Mama sering kali membantah kata papamu. Mama keras kepala, Auni. Kalau mama menurut kata papamu tentu hidup Auni tidak akan jadi begini,” ujar mama. “Papa sudah mengampuni mama,” Auni memeluk mama begitu erat. “Mama tak pernah berasa tenang, Auni....” “Auni tidak pernah salahkan mama...” Sudah berkali-kali Auni bilang begitu di cuping telinganya tetapi mama tidak berhenti merasa bersalah. “Mama, esok kita akan berpuasa, Auni balik nak berpuasa dengan mama. Auni nak sambut raya bersama mama. Auni mahu masak sedap-sedap untuk kita seperti dulu. Seperti waktu papa masih ada dulu.” Air mata kami membanjiri malam yang tenang itu. Malam itu kami bertiga tertidur di ruang tamu dengan pakaian sembahyang yang masih di badan. “Auni, malam tadi mama bermimpi papa kau datang dekat dengan mama. Sudah lama mama tidak bermimpi begitu. Mama rindukan papa kau, Auni.” “Auni juga rindukan papa, mama! Siang nanti kita ke kubur papa ya, mama.....” Mama mengangguk. Kuharap sunyi

mama akan sirna dengan kepulanganku. Selalu juga Auni minta mama tinggal bersama kami tetapi mama beralasan mahu menjenguk kubur papa dan menjaga peninggalan papa seperti dan tanah yang ada sebidang dua kerana itu amanah papa sebelum meninggal. Wasiat papa, rumah yang tinggal sekarang adalah untuk kami. Tanah yang ada juga jangan dijual kerana itulah harta hasil dari titik peluh papa untuk dibanggakan oleh anak cucu nanti. “Kau anak yang baik, Auni tapi sayang kau tak sebahagia orang lain.” “Auni bahagia, mama.” “Tapi hatimu hancur,” “Hati Auni sudah sembuh,” “Kau seperti mama juga tapi beza kita, kasih sayang yang mama ada kekal hingga mati tapi kasih sayang kau tercalar,” “Percayalah, mama Auni bahagia hidup begini tetapi kadang-kadang bila Auni menilik wajah Nora datang rasa benci padanya sebab wajah Nora menyerupai abahnya. Auni cuba membuang rasa itu, ma....” ujarku jujur. “Itu tandanya kau masih dendam.” “Tidak mama. Auni tidak dendam. Pun tidak pernah menyalahkan mama....” “Mama masih ingat masa Auni merayu pada mama yang Auni mahu belajar dulu sebelum mendirikan rumah tangga. Papamu pun setuju dengan Auni tetapi mama seorang saja yang degil. Mama takut kesenangan yang Leman ada terlepas ke tangan orang lain. Mama paksa Auni supaya menerima Leman.”

“Jangan ungkit lagi perkara yang sudah lepas, Auni pulang bukan untuk Mama mengenang kenangan silam itu. Tolong mama!” Rayuku sungguh-sungguh. Sesungguhnya Auni telah melupakan semuanya tetapi setiap kali berdepan dengan mama, mama tidak pernah lepas mengulangi cerita-cerita itu. Mama tidak bersalah. Kalau mama bersalah, Auni yang berdarjat seorang anak telah lama memaafkan mama. Berkali-kali sudah Auni menyebut kata itu dan memohon mama jangan menyebut lagi. Kalau mama mahu menyebut Auni mengugut tidak akan pulang lagi. Tapi Auni tetap pulang. Ke mana Auni mahu pulang kalau tidak ke rumah mama.

Hari ini puasa sudah seminggu. Terlalu cepat waktu berlalu. Auni mahu waktunya menjadi panjang biar panjang lagi waktu untuk Auni bersama mama. Walaupun tidak banyak dapat kuhiburkan hatinya tetapi Auni tahu dengan adanya Auni di sisi, Auni dapat mengalih rasa sunyinya. Menolongnya menyediakan hidangan untuk berbuka dan bersahur, bertarawih bersama dan menemaninya berbual tentang papa dan masa lalu.

Hati mama terisi dan sering juga kulihat mama tersenyum menampilkan giginya yang masih kukuh walaupun dimamah usia. Kerenah Nora juga mampu menggeletek hati tuanya. Hari ini mama masak bubur kacang hijau. Auni tahu itu ialah makanan kesukaan papa ketika bulan Ramadan. Sudah agak lama mama tidak memasak juadah itu. Mungkin mama takut akan teringat pada papa. “Mama mahu melupakan papamu, Auni tapi mama tidak mampu,” ujar mama sambil menyuap bubur itu ke dalam mulutnya. Kulihat kelopak jernih di matanya. “Sepatutnya mama pergi sebelum papa. Dulu papa selalu berdoa begitu supaya mama tidak hidup dalam kesunyian selepas dia tiada. Tapi Tuhan lebih sayangkan dia. Papamu terlalu sayangkan mama tetapi mama selalu menderhaka kepadanya.” Mangkuk yang masih berbaki bubur kacang ditolak ke tepi. Mama seakan tidak sanggup untuk menghabiskannya. Mama mengangkat punggungnya dan beredar dari meja makan. Nora yang tidak mengerti apa-apa mengekori neneknya. Mama mendukung Nora tetapi anak itu berkeras mahu berjalan sendiri. Akhirnya mama meletakkan Nora di bawah seraya memimpin tangan kecil Nora. Waktu Auni mengejutkan mama untuk bangun bersahur pada bulan Ramadan yang ke sembilan belas hari, mama tidak bergerak. Subuh itu mama menghembuskan nafas terakhir tanpa ditemani sesiapa. Air mata tidak mampu ku keluarkan lagi. Kalau ini sudah ketentuan Tuhan, Auni redha pemergiannya untuk selama-lamanya.

*TAMAT*

*Pelita Brunei keluaran 18 Jun 2016*

# Mata



# Mata

Oleh: Sutera Kalbu

SUARA tangisan bayi berusia hampir enam bulan itu agak nyaring memenuhi ruang klinik. Wanita berusia dalam lingkungan 38 tahun itu segera bangun sambil menggendong bayinya. Dia mengoyang-goyangkan tubuhnya yang sekali gus mengoyang-goyangkan juga tubuh kecil bayi yang dalam dakapan kedua belah tangannya. Kedua belah matanya tertumpu pada wajah bayinya. Matanya mengharap bayinya segera diam. Diam dan jangan menangis lagi. Diam dan pejam mata dengan mulus. Namun bayi yang tidak tahu apa-apa dan tidak berdosa itu masih saja tidak mahu diam. Wajahnya berkerut sambil sekali sekala cuba tersenyum pada tatapan mata-mata di sekelilingnya. Setiap kali ada mata-mata yang merenung dirinya, walaupun cuma sebentar-sebentar pastilah kerana merasa terganggu dengan tangisan bayinya.

Beberapa orang lelaki yang menemani isteri masing-masing di klinik pagi itu seolah-olah berminat melihat keadaan itu. Wanita genit gebu semakin gelisah. Suara tangisan bayinya semakin nyaring. Semua mata

tiba-tiba lebih tertumpu pada dirinya. Dan semua tumpuan mata itu sedang menelanjangi isi batinnya. Sekali sekala ketika tatapan-tatapan itu bertembung ke anak matanya, dia merasakan sembilu-sembilu berbisa terlepas menujuh berceracak ke seluruh permukaan tubuhnya. Setiap pandangan mata kepadanya adalah ketulan-ketulan bara api menggerenyet lalu membakar tiap inci permukaan kulit terus ke dalam daging-dagingnya. Jantungnya berdegup kencang. Dia tidak ingin melihat tiap tatapan mata yang seolah-olah sedang mengerumuninya ketika itu. Dia merasa tubuhnya semakin panas dan mengecil. Semakin lama semakin nipis dia melayang entah ke gaung mana.

“Kasi susu, mungkin lapar!!,” tegur seorang wanita yang sedang sarat mengandung tidak jauh darinya.

“Tidak, tidak lapar, sudah diberi susu tadi. Mungkin sakit perut,” jawabnya agak gelabah dan cemas sambil menundukkan wajah merenung wajah bayinya. Perasaannya tiba-tiba menjadi sayu. Dia teringat janjinya dengan seorang jiran dari jauh. Janji untuk membahagiakan jiran yang ketandusan suara tangisan bayi dalam rumahnya. Dia merenung lebih lama ke wajah bayi comelnya.

Perasaan hiba merayap dan menyusup jauh ke lubuk jiwanya. Kemudian perasaan itu membenih jutaan embun yang menitis ke ranting-ranting kering, jantungnya lalu memercikkan bunga-bunga api yang semakin lama semakin terasa panas, panas amat menyakitkan.

“Anak yang pertama??,” tanya seorang wanita yang tiba-tiba menghampirinya. Kepalanya dipanjangkan ingin melihat wajah bayi itu dengan jelas.

“Oh tidak. Ini yang keempat,” jawabnya tanpa mahu melihat ke anak mata wanita itu.

“Wah, aku ingat tadi yang pertama. Anda kelihatan masih muda.”

Dia segera beredar ke sudut lain. Pertanyaan-pertanyaan seperti itu sangat tidak mententeramkan. Bukankah nanti selepas satu soalan akan timbul pula soalan-soalan yang lain dan aneh-aneh? Kalau saja bayi kecil itu tidak perlu dibawa ke klinik tentu dia lebih memilih duduk diam-diam di rumah tanpa mahu menjenguh keluar.

Tutup jendela tutup pintu dan bersembunyi di dalam terowong gelap jauh dari seluruh mata dunia.

Duduk sangat berhampiran dengan alat penghawa dingin, bayinya segera diam. Dia menarik nafas lega. Pipi bayi dikecup lembut, ada perasaan aneh tiba-tiba melimpahi sanubarinya.

“Comel. Comel sangat!” Tiba-tiba seorang wanita bersuara di sisinya. Dia tersentak sedikit. Dia diam. Ada pisau tajam dengan perlahan menghiris-hiris permukaan dadanya, lalu mengalir cecair merah pekat membasahi kedua belah tangan dan keseluruhan tubuhnya.

Segera dia bangun menggendong bayinya dan beredar ke tempat lain. Dia duduk sambil menanti nombornya dipanggil. Matanya terkebil-kebil.

Rasanya dia sudah tidak tahan berada lebih lama di ruang itu. Dia menunduk dan merenung wajah bayinya. Polos comel dengan rambut ikal keperangan, kulit yang sangat putih mulus dan gebu. Dia menatap seraut wajah mulus di ribanya. Ketika anak mata bayi kecil itu berkelip dia tersentak lagi. Seperti sebuah lantunan peluru menebuk ke dinding jiwanya.

Jantungnya terasa terhenti seketika. Sepasang mata itu bercerita! Lalu nanti memusnahkan segala, dirinya dan diri ke anak-anaknya yang lain.

Seterusnya dia harus sendirian berdiri di hadapan mata demi mata hingga dia sendiri menutup mata. Mata itu akan bercerita dan menyeretnya hingga ke liang perhitungan. Tubuhnya menggigil. Melihat ke dalam mata bayi kecilnya, dunia terasa kiamat! Kiamat dalam dirinya. Kiamat dalam jantungnya, dalam kehidupan anak-anaknya yang lain. Kiamat itu

akan berulang lagi dan lagi dan lagi selagi mata bayi itu tidak pernah padam! Kiamat itu juga akan terus memburu hidupnya selagi matahari, bulan dan bintang masih terpacak.

Kadang-kadang dia berfikir, kenapa Magry harus pergi begitu awal. Magry pergi bukan saja mengundang satu kali kiamat, namun berulang-ulang kali malah kiamatnya semakin berpanjangan. Kenapa Magry tinggalkan kiamat itu padanya? Kini dia harus menyambut kiamat demi kiamat yang bakal menujah ke ruang-ruang kelabu masa hadapannya, sendirian tanpa siapa-siapa pun yang akan mengerti apalagi untuk mahu peduli kenapa dan mengapa. Magry sudah tiada. Dan tidak mungkin akan balik ke rumah untuk menyelesaikan seluruh kemelut dalam sebuah dunia kiamat itu, Kalau Magry masih hidup pun pasti dia sendiri tidak akan sanggup tampil membetulkan kemelut itu.

Tiada kemelut bahkan tiada ruang kecuali untuk memastikan cukup makan dan pakai. Tiada waktu dan tiada ruang kecil kecuali untuk memastikan masih boleh bernafas, sedangkan lantaran nafas itulah dia harus menerima hakikat bahawa dia insan bernyawa tidak seperti pohon kayu atau ikan.

Pagi itu dia kelihatan agak ceria. Awal pagi dia sudah bangun. Anak-anaknya yang masih kecil-kecil sudah dihantar ke sekolah. Bayi kecil akan dibawa bersamanya saja. Dia tidak ada orang gaji. Semenjak Magry tiada. Dia tidak mampu untuk membayar orang gaji. Kalau dia mahu mengambil orang gaji juga bermakna dia tidak akan pernah mampu untuk melangsaikan hutang piutang Magry. Memang Magry tidak pernah pesan agar dia terus bertahan dan membayar segala hutang piutangnya jika dia tiada. Tapi dia tahu, dia wajib menghabiskan segala hutang piutang Magry semasa dia hidup dulu tidak kira berapa banyak dan berapa lama, walau harus memakan masa 15 tahun sekali pun dia tetap akan membayarnya sedikit demi sedikit.

Sambil sebelah tangan menggendong bayi kecilnya dia menghulur kad pengenalan. Secarik kertas segera dihulur ke tangannya. Dia beredar ke

dalam dan memerhatikan sekeliling. Tidak ada sebuah kerusi pun yang kosong.

Ada ramai lelaki dan wanita-wanita memenuhi ruang itu. Dia berjalan ke sudut dinding dan berdiri. Sekali sekala dia menatap wajah bayinya. Dia boleh rasa aman setiap kali bayi itu tidur dan dia tidak melihat ke dalam anak matanya. Dan alangkah baiknya jika bayi itu tetap lena setiap kali dia membawanya keluar rumah. Tapi itu tidak mungkin berlaku. Bayi itu bahkan bebas untuk membuka matanya, bebas untuk menangis bila-bila masa yang dia sukan tanpa siapa-siapa pun yang boleh menahannya dari berbuat begitu kecuali kehendak Tuhan.

Wajahnya menunduk lesu ketika ada beberapa pasang mata nakal melirik sinis. Peduli apa pada semua siulan mata. Peduli apa pada semua sindiran mata. Bukankah sudah mujur masih ada yang dapat dikutip setiap hujung bulan. Anak-anak masih boleh makan dan pakai tanpa meminta-minta. Hutang piutang Magry juga dapat dibayar sedikit demi sedikit. Hutang menimbuk kubur pun sudah hampir habis. Bukankah dia harus lebih banyak bersyukur atas semua itu?

Syukur kerana masih boleh makan dan minum. Syukur kerana masih ada rumah tempat berlindung. Dan syukur juga dalam setahun cuma empat kali mengesahkan bahawa dia telah berjaya menjadi wanita dan ibu hebat dalam mata umum. Bukankah dia boleh berbangga bahawa sejak Magry meninggal, dia telah mampu menyara dan membesarkan anak-anaknya. Ayam dan itik pun perlu makan dan minum. Pohon-pohon kayu, lalang dan rumput pun perlu air dan udara sama seperti dirinya untuk terus hidup. Dia faham dan tahu itu. Mungkin anak-anaknya yang masih kecil itu saja yang tidak tahu dan tidak faham. Bukankah dia yang paling harus banyak bersyukur.

Tapi orang tua itu faham. Dia pasti itu, matanya yang berbicara, dia membaca mata simpati itu. Tanpa suara mata itu seolah-olah menyoroti seluruh relung-relung batinnya. Dia pun tidak perlu bersuara. Tidak perlu menjawab segala teka-teki yang terpancar dari mata itu. Biarlah mata itu atau mata mereka-mereka atau mata seluruh dunia berbicara tentang

dirinya dalam senyap. Dan tidak perlu menjawab. Tidak! Tidak perlu. Dan tidak ada jawapan kecuali hidup harus dilanjutkan di atas landasan.


Malam itu hujan lebat. Dia mendengar bunyi hujan dari dalam kamar tidurnya yang kelam. Dia cuba meletakkan mata. Sukar. Bunyi hujan semakin deras. Dingin menjangkit seluruh kedamaiannya. Dia memejamkan mata. Wajah Magry tiba-tiba muncul perlahan-lahan dari kabut gelap malam. Kemudian wajah itu semakin nipis dan nipis menjadi asap lalu hilang.

Dia membuka mata, kelam berbongkal-bongkal muncul di sekelilingnya.

*TAMAT*

*Pelita Brunei keluaran 24 September 2016*

# *Jika ini Suratanku*



Oleh : Maya Brunei

**SEJAK** Harun kawin dengan Salamah bisnisnya mula merundum, perlahan-lahan dari gunung menjadi bukit kemudian menjadi pungsu dan alun-alun yang di saat akhirnya jatuh melabuk, yang tinggal cuma serpihan besi-besi buruk yang akan menjadi duri dalam tanah dan akhir sekali akan menjadi kuriping kurap permukaan bumi.

Tiga tahun pertama perkahwinan mereka Harun masih boleh bertahan dengan usahanya yang bersungguh-sungguh dan gigih, tapi setelah enam tahun selepas itu Harun akhirnya tewas tidak mampu memadam apa yang tersurat jika semua itu benar-benar sudah suratan untuknya dan isterinya.

Sebelum Harun mendirikan rumah tangga bersama Salamah, dia adalah seorang kontraktor yang berjaya dalam segala bidang kerjanya dan

sangat digalati serta dihormati oleh setiap pekerjaanya dan juga saingan-saingannya dalam sama-sama merebut peluang yang mencabar.

Kejatuhannya bukanlah kerana isterinya sering menabur wang atau bersenang lenang dengan kemewahan anugerah Allah kepada mereka. Isterinya cuma punya seutas kalung mutiara dan sebentuk cincin yang juga berpermatakan mutiara, sebagai tanda pertunangan mereka dahulu.

Salamah pula adalah seorang peguam persendirian dan berhenti kerja sesudah mereka berkahwin kerana ingin meletakkan dirinya menjadi suri rumah tangga sepenuh masa. Salamah tidak berminat pada semua itu walaupun dia ingin memilikinya sudah pasti dia mampu mendapatkannya ketika dia bekerja dahulu dan tidak perlu sampai menjatuhkan bisnes suaminya.

Kegagalan Harun dalam perniagaannya itu telah disalah taksirkan oleh kaum keluarganya sendiri, yang tidak menginginkan Harun memperisterikan Salamah, tapi Salamah cuma pandang dan dengar segala buruk sangka dari keluarga suaminya itu, kerana dia tahu semua itu kehendak Allah dan bukan disebabkan dirinya. Tapi di pihak keluarga Harun semua itu disebabkan Salamah. Sampai mati pun semua itu adalah angkara Salamah.

Itu turus dan pacak keluarga Harun...

Dalam keadaannya sekarang Salamah tidak mahu menyusahkan dirinya cuma kerana kejatuhan bisnes suaminya, bumi Allah ini luas mereka tidak akan kelaparan di bumi sendiri dan mereka tidak akan meminta-minta walau sebiji beras sekalipun. InsyaaAllah.

Salamah menyedari dalam keadaannya seperti sekarang ini dia sudah tidak dapat berbuat apa-apa, kedua-dua kakinya lumpuh akibat dalam satu kemalangan di tempat pejalan kaki beberapa bulan selepas dia berhenti kerja sebagai peguam persendirian.

Harun suami yang baik, dia tidak pernah mengeluh atas kekurangan yang mestinya hadir dalam sebuah rumah tangga, iaitu anak, apatah lagi dalam keadaan Salamah yang tidak dapat memberikan apa-apapun kepada suaminya selain dari kehadirannya cuma sebagai teman tidur dan mimpi.

“Jangan paksakan abang menerima sesuatu yang abang tidak kehendaki.”

“Apa yang abang harapkan lagi dari saya, bang.”

“Kebahagiaan yang berterusan dan cinta yang kekal dan abadi.”

“Saya ingin berbaik-baik dengan keluarga abang, terutamanya ibu abang.”

“Kita sudah bahagia sekarang, biarkan mereka dengan keinginan mereka.”

“Wati adalah pilihan keluarga abang...”

“Tapi bukan abang..”

“Abang jadikanlah Wati orang ketiga dalam rumah tangga kita, bang.” Salamah tidak dapat meneruskan kata-katanya kerana itu bukan kata hatinya.

Sebuah permintaan yang berat bagi Harun untuk mengabulkannya. Harun tidak mahu mengambil kesempatan dalam kesempatan keadaan, kerana ini bukan masanya untuk tawar-menawar dalam sebuah rumah tangga yang dibina dari hati ke hati. Harun tetap menolak dan semua itu cuma kemahuan dan kehendak kedua orang tuanya sebelum Harun mengenali Salamah.

Bagaimana dengan Wati...?

Wati adalah seorang gadis yang berfikiran terbuka, ingin mengubah anggapan liar yang melekat dan bertali arus turun-temurun, menyalahkan orang seperti dirinya jika berlaku kerenggangan antara anak dan orang tua. Wati memang punya perasaan terhadap Harun, tapi jika Harun menolak cintanya, dia tidak dapat berbuat apa-apa yang jelas semuanya itu sudah suratan untuknya.

Apapun Wati tidak pernah menganggap Harun musuh peribadinya dalam percintaan walaupun gagal untuk menjadi teman hidupnya, dan menghukum Salamah biang keladinya menjadikan Wati gagal memiliki Harun. Semua itu cuma impian keluarga mereka.

“Wati jangan terlalu lama di sini, nanti mak Wati marah...”

“Kakak tidak suka Wati ke sini...?”

“Kakak lagi suka...Wati baik, lembut...suka tolong kakak, tapi apa nanti kata orang...?”

“Jangan peduli kata orang kak, yang penting kakak percaya apa yang Wati lakukan ini adalah ikhlas semata-mata kerana Allah, itu saja”

“Wati terlalu baik...”

“Nak jadi baik tidak susah, kak...pokoknya kita ikhlas dan jujur...”

“Wati masih menaruh perasaan pada bang Harun...?” Wati diam.

“Abang Harun untuk kakak bukan buat Wati...”

Wajah Wati spontan berubah, Salamah nampak riak wajah seorang wanita kerana dia juga seorang wanita yang pada ketika itu adalah sama. Tawar menawar tentang perasaan bukanlah satu perkara yang mudah. Tawar menawar untuk seikat durian montong pun terpaksa dengan leher yang beurat-urat, itupun kalau penjual orang yang punya sijil tolak ansur, jika tidak diri sendiri akhirnya yang padan muka...!

“Kiranya boleh ditukar ganti, bersediakah Wati menggantikan tempat kakak...?”

“Wati akan merubah minda orang-orang kita, mengapa mestinya Wati membenci kakak cuma kerana Wati tidak berjaya memiliki abang Harun.”

“Kakak yang menyebabkan bang Harun tersingkir dari keluarganya...”  
Wati diam seperti orang berfikir tapi sebenarnya dia tidak berfikir.

Salamah memberikan buku simpanan peribadinya kepada Harun untuk membangun semula bisnesnya yang sebelumnya untuk kelahiran anak sulung mereka nanti. Bagi Salamah wang sejumlah itu tidak ada ertinya dalam keadaan mereka sekarang ini. Itulah pengorbanan Salamah yang terakhir demi keluarga mereka yang ibarat telur di hujung tanduk.

Seratus lima puluh ribu ringgit terlalu sedikit jika dibandingkan dengan nilai sebuah rumah tangga yang harmoni.

Wang sebanyak itu adalah penentu maju mundurnya jentera kehidupan mereka dan jika diabaikan akan menjadi garis kebenaran bagi keluarga Harun yang bermati-matian menganggap Salamah adalah punca kerenggangan mereka sekeluarga. Apakah dosa dan kesalahan wanita yang bernama Salamah yang sudah sekian lama menjadi keluarga mereka hingga berpuluh tahun masih menjadi duri dalam daging mereka.

Itulah yang ada dalam kepala otak orang tua yang bergelar ibu bapa jika gagal menunaikan kehendak mereka, yang mereka anggap kebahagiaan anak-anak adalah restu daripada mereka.

Tonggak kejujuran dan keikhlasan Salamah dengan semangat dan kekuatan Harun sambil bertawakal kepada Allah, memulakan langkah membina semula bisnesnya dengan mempelbagaikan usaha yang seiring dengan hujan panas semasa dan terkini.

Masa berlari begitu cepat tidak terasa turun naik nafas yang dihembuskan saat demi saat, setiap hari dan bulan hingga ke tahun. Harun

berhasil menduduki kerusi kejayaannya kembali sehingga keluarganya mulai membuka mata dan nampak apa sebenarnya yang ada dalam tabir kehidupan Harun dan Salamah.

Salamah berhasil menyuntik kejayaan mereka melalui Harun yang bekerja keras dengan satu tekad untuk mencapai kejayaan yang nantinya akan jadi saksi bahawa semua tohmahan di masa lalu itu tidak benar.

Air dicencang tidak akan putus...carik-carik bulu ayam.

Cuaca dan keriuhan pantai petang itu benar-benar memberikan ketenangan kepada pengunjung-pengunjungnya tidak kira apa dan siapa. Hembusan bayu dan nyanyian ombak begitu mengasyikkan bagaikan melodi Getaran Jiwa P. Ramlee, meresap kejiwa dua insan yang baru lepas daripada kesakitan hidup itu.

Salamah menyusur deretan pantai itu dengan kerusi rodanya bersama Harun. Laut yang luas itu bagaikan membisikkan betapa bahagianya kedua insan itu walau di dalamnya ada kekurangan, demikian juga pohon-pohon di pantai itu bernyanyi-nyanyi mengiringi kegembiraan mereka.

Sejenak Harun memintas kenangan lalu dan merasakan kemenangan melawan arus dugaan dan cubaan dalam hidupnya bersama Salamah yang sentiasa diliputi oleh dendam dan marah daripada keluarganya sendiri. Harun merasakan tiupan angin syahdu petang itu benar-benar menambahkan tenaganya yang hampir lumpuh, tanpa sedar kakinya terseliuh di atas tembuk pantai itu.

Tangannya terlepas daripada kerusi roda isterinya, Harun gagal memegang kerusi yang cepat meluncur kedepan itu kerana kakinya tidak boleh bergerak. Salamah menjerit meminta tolong tapi tiada seorang pun yang mendengar jeritan itu, walaupun pantai itu dikerumuni oleh orang ramai bagaikan semut menghurungi makanan.

Makin lama kerusi roda Salamah mendekati tepian pantai itu dan bila-bila saja ia akan jatuh menjunam ke air dan kemudiannya digolong

ombak yang rakus memukul batu tebing pantai itu.

Tiada apa yang dapat dibuat oleh Harun ketika itu cuma melihat dan berserah kepada Allah atas keselamatan isterinya.

“Ya...Allah, Engkau ambillah nyawaku untuk isteriku...!” Doa seorang suami untuk isterinya yang di ambang maut.

Salamah terkapai-kepai melawan ombak yang kuat dengan tenaganya yang semakin lemah. Harun merasakan alam kelilingnya berputar ligat, setelah nampak isterinya ditelan ombak dan perlahan-lahan cuaca yang terang menjadi gelap segelap-gelapnya. Orang ramai menyedari kejadian itu cuba menolong dan mendapatkan Salamah yang sedang bergelut dengan maut itu.

Jika belum ditakdir Allah Salamah menjadi mangsa keganasan ombak yang tidak memilih bulu itu, belum sempat mereka memberikan pertolongan, Salamah bangun dan cuba mendaki tembok pantai itu.

Salamah seperti tidak apa-apa dia bertenaga semula, dengan pertolongan orang ramai Salamah berjaya mendaki tembok pantai itu lalu berlari mendapatkan Harun yang masih tidak sedarkan diri itu. Salamah langsung memangku Harun dan mengusap-usap rambut suaminya dengan esak tangis seorang perempuan.

Buat kali terakhir Salamah meraung sekuat-kuat hatinya apabila dia merasakan Harun sudah tidak bernafas lagi.

Doa Harun buat isterinya diterima Allah...! Innalillahi wa innaillaihi rajiun...!

*TAMAT*

*Pelita Brunei keluaran 7 November 2016*

# *Redha*



Oleh: SURI ARMAN

“**Ya Allah** tolonglah hamba-Mu ani.” Bisikku. Aku segera mengesat air mata yang mengalir. Rasa sebak dihati.

“Apa yang harusku lakukan ya Allah?” Fikiranku semakin buntu.

Aku menoleh ke arah bapa yang cuma diam membatu. Air mata bergengang di kelopak matanya, namun dengan cepat dikesat tanpa sempat tumpah ke pipi. Wajahnya tenang. Tidak seperti diriku. Fikiranku sangat rungsing sehingga gagal ku kawal.

“Yanti sabar. Kitani ganya merancang. Tuhan yang menentukan. Aku faham macam mana perasaanmu. Kalau aku dalam keadaanmu pun

mungkin aku macam ani. Kitani ani manusia biasa jua. Walaupun kitani seorang doktor tapi Allah Subhanahu Wata'ala yang lebih berkuasa Yanti, berserah saja kepada-Nya.” Tiba-tiba Doktor Shamsul bersuara. Dia merupakan seniorku semasa dalam pengajian.

Aku tunduk diam. Shamsul seolah-olah tahu apa yang bersarang di fikiranku. Memang benar, timbul perasaan menyesal dalam diriku kerana berkerjaya sebagai seorang doktor. Seolah-olah aku seorang yang gagal. Aku menuntut ilmu kedokteran di Universiti Brunei Darussalam, tanah kelahiranku dan disambung lagi beberapa tahun di Kanada. Aku meninggalkan bapa, mama, abang dan kakak selama bertahun-tahun demi meraih segulung ijazah dan perkataan D-O-K-T-O-R di hadapan namaku.

Selama tempoh berjauhan dengan keluarga, aku menjadi seorang yang tabah. Itupun kerana bapa dan mama. Duranglah pendorong utamaku sehingga aku berjaya. Bapa sangat bersyukur dan gembira apabila aku lulus dengan jayanya.

Sehingga sanggup mengunjungiku di Kanada semasa hari graduasiku. Aku tahu bapa sangat bangga, kerana aku boleh berbakti dan membantu orang lain. Tapi apakah aku boleh membantu bapa? Mengubati penyakit bapa? Kenapa aku tidak mengetahui jika bapa ada tanda-tanda mengidap penyakit kanser? “Ya Rabbi..permudahkan semua ini,” bisikku.

“*What should I do* Shamsul?” tanyaku. Tiba-tiba terkeluar kata-kata itu dari mulutku.

“Tawakal Yanti. Kanser Paji sudah di tahap akhir. *I'm sure you understand how his condition right now, don't you,? im very sorry ...*”

Aku semakin terpukul. Aku tahu, kelazimannya memang hanya ada 6 bulan sahaja untuk bertahan. Andai saja aku dapat mengubah andaian kedokteran yang sedemikian? Sudah pasti aku akan menjadikannya kepada 6 tahun. 16 tahun atau.. mungkin..

“Lai, kitani tawakal saja. InsyaaAllah bapa reda atas semua ani lai. Ganya... mungkin bapa kan menyusahkan kamu adi beradi ni. Mengantat mengambil bapa.. menjaga bapa, atau... kamu terpaksa...,” bapa bersuara selepas diam seribu bahasa. Aku yang memandu kereta pada ketika itu hanya mampu menggelengkan kepala sambil teresak-esak.

“Bapa ingaukan mamamu lai, kalau bapa sudah nada nanti, siapakan mendangani mamamu? Membawa ia bedialisis? Mendangani ia di rumah? Abang sama kakamu sibuk dengan anak-anak bisdurang.”

“Pa... jangan difikirkan. Bapa kan sihat macam biasa. Percaya tah.”  
Jawapku perlahan. Bapa terus mendiamkan diri.

Aku memang memikirkan perkara itu. Bohong kalau aku tidak memikirkan semua itu. Namun aku tidak mahu menambahkan beban bapa.

Fikiran bapa. Apalagi dia juga berusaha menahan segala kesakitan yang dialaminya. Bapa disahkan mengidap kanser Usus Tahap Empat apabila dia mengadu sukar untuk membuang air besar dan kesakitan pada perutnya.

Aku membawa bapa membuat pemeriksaan di Pusat Kesihatan tempat aku bertugas. Aku sengaja meminta doktor lain untuk memeriksanya. Bagaikan petir, keputusan pemeriksaan bapa sangat mengejutkan aku. Sungguh aku tidak menyangka akan mendapat cubaan sebegini.

Baru seminggu mama keluar dari hospital selepas pembedahan untuk memasukan hos kecil di perutnya. Mama memerlukan sokongan padu dari keluarga setelah disahkan menghidap penyakit buah pinggang dan harus menjalani dialisis tiga kali seminggu. Kini bapa pula menderita. Hatiku sangat terpukul. Meskipun usiaku sudah masuk angka tiga, tapi aku belum bersedia untuk kehilangan kedua-dua mereka. Sebagai anak bungsu, sumpah.. aku sangat takut untuk menghadapi sebarang kemungkinan.

“Karang panyapkan barang-barang bapa lai ah. Jangantah dibawa segala jua apa. Di hospital atu semua jua ada sudah. Samak saja karang. Payah doktor sama nurse kan mencek behapa.” Aku hanya mengangguk tanda setuju.

Esok bapa terpaksa melakukan pembedahan untuk pemasangan ‘stoma’ (kantung untuk penyimpanan najis). Doktor terpaksa melakukan pembedahan pada usus besarnya memandangkan bapa sudah lebih seminggu tidak dapat membuang air besar. Perut bapa juga semakin membusung. Kakinya pula membengkak kerana mengandungi air. Menurut pemeriksaan doktor, hati bapa mula membengkak sehingga menghimpit sebahagian ususnya dan menyukarkan pembuangan air besar. Ya Allah, sukar untuk kubayangkan bagaimana bapa akan menghadapinya nanti. Menjalani kehidupan dengan kantung berisi najis yang diletakkan di luar perut.

“Masya Allah, Engkau maha berkuasa.”

Aku sangat sedih, andai saja aku mengambil jurusan ‘onkology’ aku mungkin boleh memahami tanda-tanda awal penyakit bapa.

Mengimbas kembali pemakanan bapa dan mama seharian, aku tidak mendapati sesuatu yang ganjil, atau mungkin aku terlampau memikirkan hal lain sehingga mengabaikan ibu bapa sendiri?

Tapi sepanjang pengamatanku, masakan mama tidak mengandungi MSG atau bahan pengawet. Garam juga dalam jumlah yang sedikit. Minyak yang digunakan juga minyak tanpa lemak. Bapa juga seorang yang mementingkan kesihatan. Sangat aktif dalam bersukan. Sering juga bermain badminton dan berjoging meskipun usianya sudah mencecah 62 tahun.

Aku mendengus. “Ya Allah, mungkinkah penyakit itu sudah batah bapa hidap? Ya Allah.. apa patut ku buat? Bantu aku Ya Rabb.” Aku merintih.

Tiba di rumah, mama menyambut kepulangan kami berdua.

“Assalamualaikum,” bapa memberi salam.

“Walaikumsalam bang, apatah keputusannya?” Mama bersuara cemas. Aku tahu mama memang memikirkan bapa. Selama ini bapalah suami, bapa juga kawan dan segala-galanya bagi mama. Sejak abang dan kakak berpindah dari rumah kami, aku dan suamikulah penghuni setia di rumah ini. Aku bertuah kerana suamiku sangat memahami perasaanku. Tanpa bersungut, dia juga setia dan bersedia menjadikan rumah bapa dan mama tempat berteduh sepanjang hidup kami. Aku sangat berterima kasih kepadanya. Andai aku pergi dari rumah itu, bagaimana dengan bapa dan mama? Mama disahkan sakit buah pinggang sejak tahun 2010, namun hanya tahun ini dia bersedia untuk melakukan dialisis. Cuci darah sebanyak tiga kali seminggu. Segala kerja rumah bapalah yang membantu mama membuatnya. Bapa juga yang menemani mama ke hospital. Tapi sekarang?

Aku dan suami bergilir untuk menguruskan bapa dan mama. Sebenarnya tugas sebagai seorang doktor memerlukan aku untuk meluangkan lebih banyak masa di tempat kerja. Apalagi ketika giliran bertugas di bahagian kecemasan dan *on call*. Kerap kali hati dan fikiranku terbahagi memikirkan antara pesakit, mama dan bapa.

“Yanti, apa nya doktor? Diamtah kamu pulang? Bagi ingau ati mama.” Mama mula merajuk apabila tiada jawapan dari bapa.

“Bapa...bapa..” Aku bersuara.

“InsyaaAllah, inda papa lai.” Bapa memotong kata-kataku.

“Pa...”

“Nanti bapa memberitau mamamu Yanti. Agatah berehat dulu.” Aku mengangguk lemah. Aku meluru ke bilik sambil merebahkan badan ke katil. Melihat jam di dinding aku segera bangkit dan bergegas ke bilik air. Melaksanakan tanggungjawab kepada Allah Subhanahu Wata’ala.

Malam itu aku sukar untuk meletakkan mata kerana aku takut esok akan tiada.

Pintu ruang pembedahan terbuka luas. Selepas tiga jam akhirnya pembedahan bapa berakhir. Hatiku sayu melihat bapa yang terbujur. Badan bapa nampak sangat susut. Timbangannya juga jauh berkurang. Dari 63 kilogram, kini hanya 40 kilogram sahaja.

“Sian bapa.” Tercetus juga kata itu dari mulutku. Walhal, bapa sudah sering kali mengingatkan kami agar tidak berasa kasihan padanya. Bapa reda atas takdir Allah Subhanahu Wata’ala. Kata bapa, jika seseorang ditimpa penyakit dan dia reda akan penyakit itu, akan terhapuslah dosa-dosa kecilnya di muka bumi ini. InsyaaAllah.

Pejam celik, pejam celik, sudah 20 hari bapa bermalam di hospital. Meskipun pembedahan telah dibuat, tahap kesihatan bapa semakin memburuk. Menurut doktor, bapa terkena jangkitan kuman. Kimoterapi sudah tidak dapat dilaksanakan lagi. Tekanan darah bapa turun secara mengejut. Hatiku bagai disiat melihat bapa bertarung melawan penyakit ganas itu. Sebagai seorang doktor, keadaan setenat itu, keluarga pesakit harus diberitahu. Namun aku tidak mampu menyatakan semua itu kepada mama. Bagiku, aku sendiri tidak sanggup untuk menerima berita itu, apa lagi mama. Selama 24 jam mataku tiada terpejam walau sesaat, demikian juga bapa. Hanya perkataan Allahu Akbar yang lahir dari mulutnya yang kering. Tepat azan Isyak, anak matanya semakin memutih. Kugengam erat tangan bapa sambil berbisik.

“Jalan tah pa..Yanti reda, semoga bapa tenang bertemu Yang Maha Esa. *I love you* pa. Halalkan segala yang bapa bagi untuk Yanti...

Ashaduallailahailallah.. Waashaduana Muhamadarasullullah.”  
Sejurus itu tangisanku semakin kuat kedengaran.

*TAMAT*

*Pelita Brunei keluaran 5 Disember 2016*

# *PERJALANAN*



Oleh: Maya Brunei

**BAS** banyak, taksi banyak dan kalau di Brunei ini ada MRT pasti orang tua yang bernama Liau Sapar itu akan ikut MRT dari menyusahkan anak-anaknya.

Itu adalah salah satu dari alasan Liau Sapar, tapi sebenarnya Liau Sapar sepertinya sudah 'kalangan' memandu kereta yang sudah begitu lama jadi sahabat karibnya, bukan itu saja malah Liau Sapar macam takut-takutan untuk memandu disebabkan keolahan sesetengah pengguna jalan raya ketika ini.

Pengguna jalan raya ketika ini sudah tidak ada rasa hormat lagi terhadap pengguna jalan raya yang lain, bukan pula bermakna Liau Sapar minta dihormati tapi berpada-padalalah demi untuk keselamatan bersama.

Juga bukan kerana lesen memandunya tidak disambung disebabkan faktor umur, tapi yang jelasnya Liau Sapar mahu relaks duduk macam dalam rumah, pandang kanan pandang kiri dengan tenang tidak sebagaimana ketika memandu yang cuma sekilas pandang.

Liau Sapar tidak mahu mengambil kesempatan atas kejayaan dan kesenangan anak-anak mereka untuk menunaikan kehendaknya apa lagi mengharapkan timbal balik daripada anak-anak mereka atas susah payah serta pengorbanannya membesarkan dan memberikan pelajaran kepada anak-anak hingga mereka berjaya menjadi manusia yang berguna di sisi masyarakat dan bahagia bersama isteri dan anak-anak mereka masing-masing.

Liau Sapar tidak pernah menganggap anak-anak sebagai pengecas bateri untuk sentiasa menggerakkan tulangnya yang empat kerat itu. InsyaaAllah selagi dia bernafas dan terdaya mengurus diri dan isterinya, dia tidak akan mengusik anak-anaknya walau sejempit dari tenaga mereka pun.

Itulah yang diharapkan dan menjadi idaman semua ibu bapa agar anak-anak mereka tahu apa makna hidup berkeluarga itu sebenarnya. Itu sudah cukup dan menganggap semua itu adalah satu kemenangan buat Liau Sapar dalam mendidik anak-anak agar menjadi manusia yang berguna di dalam masyarakat bukan menjadi kudis dan kurap mahupun panau dalam masyarakat.

Liau Sapar tidak mempunyai anak yang ramai, hasil dari perkongsian hidupnya bersama isterinya, Allah menganugerahkan cuma tiga orang anak semuanya lelaki, anak-anaknya pula bukan orang-orang yang berpangkat, bukan doktor, bukan peguam ataupun pegawai yang punya pangkat tinggi seperti polis ataupun tentera, cuma pegawai biasa berkhidmat di syarikat swasta.

Alhamdulillah, itu semua usaha daya didik Liau Sapar bersama isterinya selaku syurga bagi anak-anaknya yang bertiga itu nanti. InsyaaAllah.

“Kau terlalu memanjakan anak-anakmu, Sapar...,” nada Liau Kasim macam kesal dan sedikit simpati.

Liau Kasim mahu menyambung hujahnya lagi tapi terhenti apabila bas yang mereka tumpangi itu dilambung ombak jalan raya, punggung semua penumpang bas itu terangkat kecuali pemandunya cuma bergerak sedikit.

Kesan dari hentakan itu Liau Sapar terbatuk-batuk kerana kesedakan air liurnya, lama juga batuk-batuk kecil nipis Liau Sapar itu mengiringi perjalanan bas yang ditumpangnya itu hinggakan pemandu bukan wajah tempatan itu menoleh ke arah Liau Sapar.

Liau Sapar mengeluarkan tuala kecil dalam begnya yang juga kecil itu langsung mengelap matanya yang berair dan sekali gus mengeluarkan hingusnya yang sudah ketara kentalnya akibat batuk dan kesedakan itu. Penumpang lain tidak menghiraukan bunyi itu kerana sudah biasa didengar mereka.

Sepanjang jalan yang dilalui mereka itu memang banyak lubang-lubang yang belum dibaiki walaupun sebelum itu sudah ditambal beberapa kali, namun masih lagi mencipta ombak jalan raya kerana cepat pecah dan berlubang semula. Liau Kasim lupa apa yang hendak dikatakannya. Bas terus meluncur ke tempat tujuan rutinnya.

Liau Kasim adalah kawan baik Liau Sapar, kalau berjalan ke mana-mana mereka mesti bersama, tidak kira naik teksikah ataupun baskah malah motor bot pun mereka pernah naik bersama, tapi cuma sekali kerana Liau Sapar tidak pandai berenang walaupun dia dilahir dan dibesarkan di tebing Sungai Brunei.

Kalaulah Liau Sapar seorang penulis dia akan menulis mengenai perjalanannya menaiki bas di sepanjang Jalan Kota Batu itu.

Pertama yang akan ditulis Liau Sapar ialah jembatan dari Jalan Residensi ke Kampung Sungai Kebun dengan kubah emasnya yang terletak indah dan unik itu.

Biar dunia luar tahu Brunei Darussalam juga boleh membangun dengan pesat dan terbaik.

Tentang Bubungan Dua Belas yang sudah ‘lahip’ dan akan dirobohkan. Juga Makam Sultan Bolkiah yang jadi sejarah turun temurun serta Bangunan Muzium yang cantik. Bangunan Sekolah Rendah Dato Gandhi yang sudah berkubur tanpa tanda sepertinya tidak pernah wujud dan menyumbangkan ilmu yang akhirnya mengeluarkan manusia cendekiawan. Sekolah Rendah Dato Gandhi umpama kubur orang mati dibunuh yang sentiasa menakutkan.

“Mereka itu sudah berkeluarga biarlah mereka sibuk dengan hal keluarga mereka masing-masing, aku tidak mau menyusahkan mereka,” jelas Liau Sapar selamba.

“Aku faham tapi sesekali elok juga jika mereka mengambil tahu sedikit tentang diri kau.” Liau Kasim menambah suku lagi simpatinya terhadap kawannya ini.

Sebenarnya Liau Sapar tidak mahu buka mulut kepada anak-anaknya untuk minta tolong dalam apa-apa perkara waima sebesar biji sawi pun, selagi tulang empat keratnya itu masih berfungsi dia tidak akan meminta sesuatupun daripada anak-anaknya, hatta senafas nyawa sekalipun.

“Esok perjanjian abang ke klinik...,” isterinya mengingatkan. Liau Sapar angguk.

“Abang sudah telefon anak-anak...?” isterinya bertanya lagi.

Liau Sapar pun angguk lagi.

Isterinya sudah lain macam pertanyaannya seolah digurau sendakan oleh Liau Sapar.

“Mustahil mereka tidak ada masa untuk membawa abang...!” kata isteri Liau Sapar.

“Jangan suka mengganggu anak-anak...” sahut Liau Sapar lembut.

Liau Sapar tidak mahu anak-anaknya berdosa kepadanya disebabkan tidak mahu menunaikan apa yang dikehendaknya. Dia tidak mahu mendengar anak-anaknya memberikan bermacam alasan nanti, dia takut hatinya akan terusik dan itu sudah pasti menjadi dosa kepada anak-anaknya.

Inilah yang Liau Sapar tidak inginkan terjadi pada anak-anak mereka.

Dosa anak-anak terhadap orang tua mereka teramat besar, sama ada disadari ataupun tidak. Liau Sapar tidak mahu jadi penyumbang dosa kepada anak-anak mereka kalau cuma hendak membawa dia ke klinik. Itu rasa hati seorang yang bergelar ayah.

Suasana di luar bangunan Pusat Kesihatan pagi itu agak gundah-gulana dan menjadi tidak menentu, orang ramai masing-masing memberikan pertolongan mencari sebuah kereta yang diletakkan di depan bangunan itu telah ghaib, hilang dibawa orang. Siang-siang di pagi celik pun kereta boleh lesap...?

Itulah, tidak mengenal tempat dan waktu jika sesuatu itu akan berlaku. Liau Sapar berasa serba salah, macamana keretanya boleh dibawa orang sedangkan kunci ada padanya. Badannya berpeluh, baru saja sebentar tadi doktor mengatakan darahnya sudah mulai normal, tapi sekarang ini keretanya sudah hilang tentu darahnya akan kembuh dan mungkin naik berlipat-lipat ganda yang memberikan keizinan untuk dia pengsan pada bila-bila masa saja.

Liau Sapar membiarkan saja orang ramai yang mencarinya, kerana dia sudah tidak tahu apa yang hendak dilakukannya. Hendak repot polis baru satu jam suku, cuma yang ada dalam fikiran Liau Sapar hendak menelefon isterinya mengatakan apa yang telah berlaku.

Orang ramai sudah berusaha mencari seluas-luas kawasan letak kereta di kawasan Pusat Kesihatan itu, namun tidak juga menemukan kereta Liau Sapar yang hilang itu. Liau Sapar mengucapkan terima kasih atas pertolongan mereka yang tidak camah mata itu.

Liau Sapar duduk berehat di ruang tunggu Pusat Kesihatan itu dan dengan perlahan menelefon isterinya. Perbualan Liau Sapar bersama isterinya itu tidak terlalu membimbangkan dan sekejap saja masalah itu selesai, tidak perlu repot polis dan Liau Sapar mematikan telefonnya sambil senyum memanjang. Bacaan darahnya kembali normal seperti kata doktor sebelum dia kehilangan kereta sebentar tadi.

Sepanjang langkah Liau Sapar menuju ke keretanya yang relaks dalam garisan yang belum hapus itu, bibirnya sentiasa mengurak senyum bagaimana semuanya itu boleh berlaku.

“Abang tadi bawa kereta putih bukan merah...!,” kata isterinya dalam telefon sebentar tadi dengan nada sedikit keras.

Liau Sapar perlahan-lahan menyusur keluar kawasan Pusat Kesihatan itu tanpa diketahui oleh orang lain walaupun mereka yang menolong dia tadi. Dalam sehari dua ini kehilangan kereta Liau Sapar itu pasti akan menjadi perbualan hangat orang ramai, terutamanya orang-orang yang meletakkan kereta di kawasan itu yang sebetulnya tidak hilang.

Dalam perjalanannya pulang itu Liau Sapar ditemani oleh senyumnya yang memanjang hingga ke halaman rumahnya, isterinya sudahpun menunggu di ambang pintu yang tentunya senyumnya itu akan bertukar menjadi ketawa.

Kehilangan kereta Liau Sapar itu biarlah menjadi misteri yang sebetulnya tidak hilang, cuma salah ingatan mana satu kereta yang dibawanya ke Pusat Kesehatan itu.

*TAMAT*

*Pelita Brunei keluaran 19 Disember 2016*